



PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA

SENATE

PARLIMEN KEEMPAT

Fourth Parliament

PENGGAL PERTAMA

First Session

KANDUNGANNYA

MENGGANGKAT SUMPAH:

Tuan Abdul Aziz bin Tapa [Ruangan 1505]

PEMASYHURAN YANG DI-PERTUA:

Pemilihan Yang di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang di-Pertuan Agong
[Ruangan 1505]

Mengalu-alukan Ahli Baru [Ruangan 1505]

Ucapan Takziah kepada Keluarga Mendiang Y.B. Datuk Sri S. P. Seenivasagam
[Ruangan 1506]

Memperkenankan Akta-akta [Ruangan 1506]

Perutusan daripada Dewan Rakyat [Ruangan 1507]

URUSAN MESYUARAT [Ruangan 1508]

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1509]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1973, 1974 dan 1975) [Ruangan
1548]

USUL-USUL:

Akta (Saraan Ahli-ahli) Parlimen, 1960 Pindaan kepada Jadual Akta [Ruangan
1540]

Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960: Firearms (Increased Penalties) Act, 1971
[Ruangan 1547]

UCAPAN TANGGUHAN:

Jururawat Tamat Latihan—Tempoh Kahwin [Ruangan 1582]

MALAYSIA
PARLIMEN KEEMPAT—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL PERTAMA

Hari Selasa, 22hb Julai, 1975

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, P.M.N., S.P.M.S., D.P.M.S. (Dilantik).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATUK ATHI NAHAPPAN, D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL AZIZ BIN TAPA, P.J.K., A.M.N. (Melaka).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABDUL MANAN, A.M.N., P.J.K. (Negri Sembilan).
- „ DATUK HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Kelantan).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N. (Johor).
- „ TUAN A. ARUNASALAM, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK CHAN KWONG HON, D.P.M.S., J.M.N., S.M.S., J.P. (Selangor).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negri Sembilan).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK J. E. S. CRAWFORD, D.P.M.P., S.P.M.P., J.M.N., J.P., Datuk Kurnia Indera (Dilantik).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. Gabriel (Dilantik).
- „ TAN SRI GAN TECK YEOW, P.S.M., J.M.N. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN HAJI C. D. ISMAIL, J.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ DR LIM AH SITT, P.I.S. (Johor).

Yang Berhormat DATUK MANSOR BIN MOHAMAD, D.P.M.T., A.M.N. (Trengganu).

- „ TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- „ TAN SRI MOHAMED NOOR TAHIR (T.H.) TAN, P.M.N., J.M.N., C.W.E. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI MOHD. SAAID BIN HAJI ABU BAKAR (Dilantik).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK NGAU KEN LOCK, J.M.N., S.M.P., P.J.K., J.P., Datuk Kurnia Panglima Raja (Pahang).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN HAJI NIK YAHYA, D.J.M.K., J.M.N., P.M.K. (Dilantik).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN OOI ENG HONG, S.M.K., P.P.N., P.J.K., J.P. (Kedah).
- „ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH, P.C.M. (Perak).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATUK V. PONNUSAMY PILLAI, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.D., P.N.B.S., J.M.N., S.M.K., S.M.B., P.J.K. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIK HUSSEIN, A.M.N. (Dilantik).
- „ DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).
- „ TUAN SYED OMAR BIN SYED HUSSAIN, S.M.P., A.M.N. (Perlis).
- „ TUAN TING MING HIA (Sarawak).
- „ CIK TOM SAUDAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).
- „ DATUK WAN IBRAHIM BIN WAN TANJONG, J.M.N., P.J.K., Orang Kaya Indera Maharaja Purba Jelai (Pahang).
- „ DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., Datuk Kaya Pati (Dilantik).
- „ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

YANG TIDAK HADIR:

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, DATUK HAJI DZULKIFLI BIN DATUK HAJI ABDUL HAMID, A.S.D.K., A.M.N. (Dilantik).

- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- „ DATUK LEE LOY SENG, D.P.M.P., J.P. (Perak).
- „ TAN SRI LIM CHING WAH, P.S.M., S.P.D.K., A.M.N. (Sabah).
- „ DR LIM KENG YAIK (Dilantik).
- „ DATUK SYED KECHIK BIN SYED MOHAMMAD, P.G.D.K. (Sabah).
- „ WAN SULAIMAN BIN WAN TAM, P.J.K. (Dilantik).

YANG HADIR BERSAMA:

- Yang Berhormat Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas, DATUK HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.R., S.P.M.K., S.P.D.K., Datuk Sri Paduka Raja (Nilam Puri).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATUK HAJI HAMZAH BIN DATUK ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K., S.I.M.P. (Temerloh).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI LEE SIOK YEW, P.M.N., A.M.N., P.J.K. (Ulu Langat).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam, DATUK MOHAMED BIN RAHMAT, D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD (Bagan Datok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., J.M.K., A.D.K. (Machang).
- „ Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan, TUAN RICHARD HO UNG HUN (Lumut).
- „ Timbalan Menteri Tanah dan Galian, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara : Lim Joo Keng.

Timbalan Setiausaha : Haji A. Hasmuni bin Haji Hussein.

Penolong Setiausaha : Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penterjemah Melayu Kanan/Pemangku Penolong Setiausaha : Ghazali bin Haji Abd. Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting : Yahya Manap.

Penolong Penyunting : P. B. Menon.

Penolong Penyunting : Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Rani bin Rahim.

Suhor bin Husin.

Jamaludin bin Haji Ali.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Quah Mei Lan.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad.

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengeruskan Mesyuarat*)

MENGANGKAT SUMPAAH

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Tuan Abdul Aziz bin Tapa.

PEMASYHURAN YANG DI-PERTUA

PEMILIHAN YANG DI-PERTUAN AGONG DAN TIMBALAN YANG DI-PERTUAN AGONG

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan hormatnya saya maklumkan iaitu saya telah menerima satu Perutusan daripada Penyimpan Mohor Besar Raja-raja, Malaysia pada 19hb Jun, 1975 yang mengumumkan iaitu Majlis Raja-raja dalam Mesyuaratnya Yang Ke 101 diadakan di Istana Negara, Kuala Lumpur pada hari Khamis 19hb Jun, 1975 (Hari Yang Ketiga) telah bersetuju mengisytiharkan bahawa:-

- (i) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Yahya Petra ibni Al-Marhum Sultan Ibrahim, D.K., D.M.N., S.M.N., S.P.M.K., S.J.M.K., S.P.S.K., telah dipilih menjadi Yang di-Pertuan Agong Malaysia selama lima (5) tahun mulai daripada 21hb September, 1975;
- (ii) Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ra'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah, D.K., D.M.N., S.I.M.P., telah dipilih menjadi Timbalan Yang di-Pertuan Agong Malaysia selama lima (5) tahun mulai daripada 21hb September, 1975.

Bagi makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah edarkan salinan Perutusan yang termaklum itu kepada tiap-tiap seorang Ahli-ahli Yang Berhormat dengan surat pada 21hb Jun, 1975, dan saya harap tiap-tiap seorang Ahli Yang Berhormat telah menerima dengan selamatnya.

MENGALU-ALUKAN AHLI BARU

Tuan Yang di-Pertua: Bagi pihak Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada

Ahli baharu yang telah mengangkat Sumpah dalam Dewan ini sebentar tadi, dan berharap semoga beliau dapat memberi sumbangan yang berfaedah kepada Dewan ini dan kepada Negara seterusnya.

UCAPAN TAKZIAH KEPADA KELUARGA MENDIANG Y.B. DATUK SRI S. P. SEENIVASAGAM

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin menyatakan iaitu Yang Berhormat mendiang Datuk Sri S. P. Seenivasagam telah meninggal dunia pada 4hb Julai, 1975. Pihak Parlimen telahpun mengutus kawat takziah kepada keluarganya pada 9hb Julai, 1975. Marilah kita berdoa semoga Tuhan cucuri rahmat ke atas rohnyanya.

Sekarang saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bangun bersama-sama saya bertafakkur selama seminit sebagai menghormati mendiang Yang Berhormat Datuk Sri S. P. Seenivasagam.

(Majlis bertafakkur selama seminit)

MEMPERKENANKAN AKTA-AKTA

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan limpah kurnia Baginda telah berkenan mempersetujui Akta-akta yang telah diluluskan oleh Dewan Parlimen dalam mesyuarat Parlimen yang lalu.

Akta-akta tersebut adalah seperti berikut:

1. Akta Cukai Perkhidmatan (Pindaan), 1975;
2. Akta Insuran (Pindaan), 1975;
3. Akta Hakcipta (Pindaan), 1975;
4. Akta Penyelarasan Perindustrian 1975;
5. Akta (Memperbadankan) Majlis Daya Pengeluaran Negara (Pindaan), 1975;
6. Akta Perhubungan Perindustrian (Pindaan), 1975;
7. Akta Pendaftaran Beranak dan Mati (Pindaan), 1975;
8. Akta Mahkamah Budak-budak (Pindaan), 1975;
9. Akta Instituit Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (Pindaan), 1975;
10. Akta Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (Pindaan), 1975;

11. Akta Perubatan (Pindaan), 1975;
12. Akta Pegawai-pegawai Anak Negeri (Elaun dan Ganjaran Persaraan (Pindaan), 1975;
13. Akta Jualan Makanan dan Dadah (Pindaan), 1975;
14. Akta Ahli Kimia, 1975;
15. Akta Kemajuan Petroliaam (Pindaan), 1975;
16. Akta Badan Berkanun Getah, 1975;
17. Akta Pendaftaran Ahli Farmasi (Pindaan), 1975;
18. Akta Dadah Berbahaya (Pindaan), 1975;
19. Akta Wang Yang Tak Dituntut (Pindaan), 1975;
20. Akta Majlis Amanah Rakyat (Pindaan), 1975;
21. Akta Bank Negara Malaysia (Pindaan), 1975;
22. Akta Undang-undang Sivil (Pindaan), 1975; dan
23. Akta Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan), 1975.

PERUTUSAN DARIPADA DEWAN RAKYAT

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Perutusan daripada Dewan Rakyat yang meminta Dewan Negara mempersetujui Rang Undang-undang yang telah diluluskan oleh Dewan itu.

Saya jemput Setiausaha membacakan Perutusan itu sekarang.

(Setiausaha membacakan Perutusan)

“Tuan Yang di-Pertua,

Dewan Rakyat telah meluluskan Rang Undang-undang yang berikut dan meminta Dewan Negara mempersetujukannya:-

1. Rang Undang-undang Bil Perbendaharaan (Tempatan) (Pindaan);
2. Rang Undang-undang Kumpulanwang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun);
3. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1973, 1974 dan 1975);
4. Rang Undang-undang Kastam (Pindaan);
5. Rang Undang-undang Matawang Malaysia (Ringgit);
6. Rang Undang-undang Lembaga Tembakau Negara (Perbadanan) (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Penstabilan Harga Getah;
8. Rang Undang-undang Persatuan Palang Merah Malaysia (Pertukaran Nama);
9. Rang Undang-undang Peguambela (Pindaan);
10. Rang Undang-undang Senjataapi (Penalti Lebih Berat) (Pindaan);
11. Rang Undang-undang Senjata (Pindaan);
12. Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan);
13. Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) (No. 2);
14. Rang Undang-undang (Pencen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen (Pindaan);
15. Rang Undang-undang Binatang (Pindaan);
16. Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan);
17. Rang Undang-undang Pencen (Sarawak) (Pindaan).

Tandatangan:

Yang di-Pertua Dewan Rakyat.”

URUSAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Undang-undang (Datuk Athi Nahappan): Tuan Yang di-Pertua, saya akan mencadangkan supaya semua Rang Undang-undang yang tersebut ini dibacakan kali yang kedua dan ketiga di Mesyuarat ini.

Rang Undang-undang itu adalah seperti berikut:

1. Rang Undang-undang Bil Perbendaharaan (Tempatan) (Pindaan);
2. Rang Undang-undang Kumpulanwang Disatukan (Perbelanjaan Masuk Akaun);
3. Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1973, 1974 dan 1975);
4. Rang Undang-undang Kastam (Pindaan);

5. Rang Undang-undang Matawang Malaysia (Ringgit);
6. Rang Undang-undang Lembaga Tembaku Negara; (Perbadanan) (Pindaan);
7. Rang Undang-undang Penstabilan Harga Getah;
8. Rang Undang-undang Persatuan Palang Merah Malaysia (Pertukaran Nama);
9. Rang Undang-undang Peguambela (Pindaan);
10. Rang Undang-undang Senjatapi (Penalti Lebih Berat) (Pindaan);
11. Rang Undang-undang Senjata (Pindaan);
12. Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan);
13. Rang Undang-undang Dadah Berbahaya (Pindaan) (No. 2);
14. Rang Undang-undang (Pencen dan Ganjaran) Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen (Pindaan);
15. Rang Undang-undang Binatang (Pindaan);
16. Rang Undang-undang Kanun Tanah Negara (Pindaan);
17. Rang Undang-undang Pencen (Sarawak) (Pindaan).

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah.

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN- PERTANYAAN

LEMBAGA URUSAN DAN TABUNG HAJI—EJEN HAJI

1. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas menyatakan:

- (a) bilangan Sheikh-sheikh Haji yang didaftarkan dengan Lembaga Urusan dan Tabung Haji;
- (b) samada mereka membayar bayaran pendaftaran kepada Lembaga tersebut; dan
- (c) samada Lembaga ini mempunyai rumah-rumah sewa di Mekah dan Madinah; jika ya, nyatakan sewanya, dan jika tidak, mengapa.

Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Di bawah kuasa Peraturan-peraturan (Ejen-ejen Haji) Lembaga Urusan dan Tabung Haji, 1971, sebanyak 102 permit telah dikeluarkan untuk membolehkan pemegangnya bertindak sebagai Ejen Haji (Sheikh-sheikh Haji). Pecahan mengikut pelabuhan ialah:

Pelabuhan Kelang	55
Pelabuhan Pulau Pinang	34
Pelabuhan Labuan	2
Pelabuhan Kuching	11
Jumlah	102

- (b) Ya. Bayaran bagi suatu Permit Ejen Haji ialah \$25.00 setahun.

- (c) Tidak. Lembaga ini tidak mempunyai rumah-rumah sewa di Mekah dan Madinah oleh sebab mengikut Undang-undang Kerajaan Arab Saudi hanya Rakyat Arab Saudi sahaja yang dibolehkan memiliki rumah-rumah sewa di sana.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Soalan tambahan. Adakah rumah-rumah yang ada di Madinah yang disewa untuk dijadikan tempat tumpangan bakal-bakal haji Malaysia itu tidak disewa ataupun bagaimana kedudukan rumah yang ada itu, dan juga rumah yang ada di Mekah yang digunakan juga sebagai tempat perubatan, Pejabat Haji dan sebagainya, adakah rumah ini juga tidak disewa?

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, rumah-rumah yang ada di Mekah dan juga di Madinah ialah rumah yang kita sewa, bukan rumah sewa kita punya. Ertinya, Lembaga Urusan dan Tabung Haji tidak mempunyai sebarang rumah sewa, tetapi Lembaga Urusan dan Tabung Haji ada menyewa rumah untuk digunakan.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya dapat tahu Lembaga Urusan dan Tabung Haji ada menyewa rumah di Madinah, bukan mempunyai rumah, tetapi menyewa rumah dijadikan asrama untuk orang-orang Islam daripada Malaysia. Apa yang saya hendak

tujukan iaitu rumah-rumah disewa oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji untuk kegunaan orang-orang Islam daripada Malaysia di waktu naik haji didapati, jikalau benar, rumah-rumah yang disewa itu disewakan kepada orang-orang Turkey, betul atau tidak? Jadi, orang-orang Islam yang datang daripada sini hendak duduk tidak dapat oleh kerana orang Turkey itu atau orang lain yang ada duduk di situ.

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, ada berlaku satu kejadian rumah yang disewa oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji di Madinah itu disewakan kepada rombongan jemaah haji daripada Parsi bukan daripada Turkey. Sebab berlaku kejadian ini ialah oleh kerana kebetulan pada masa itu jemaah-jemaah haji daripada Malaysia tidak ada yang datang ke Madinah, jadi sebab itu diberi sewa untuk menutup kerugian yang mungkin ditanggung oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Akan tetapi, walau bagaimana sekalipun, mengikut perhitungan jumlah wang sewa yang didapati oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji pada tahun lepas bahawa wang yang diterima daripada jemaah haji Malaysia terlalu sedikit, oleh kerana jemaah haji Malaysia lebih suka tinggal di rumah-rumah Sheikh Haji atau sebagainya. Dengan demikian, oleh kerana kita beri sewa pada satu ketika yang tertentu kepada jemaah haji daripada Parsi dapatlah menutup sedikit-sebanyak kerugian-kerugian yang ditanggung oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji berkenaan dengan sewaan rumah itu.

Tuan Syed Omar bin Syed Hussain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bagi pertanyaan (b) tentang bayaran pendaftaran kepada Lembaga Urusan dan Tabung Haji daripada Sheikh Haji tidakkah Lembaga Urusan dan Tabung Haji menyedari \$25 setahun itu satu angka yang sangat rendah memandang kepada Sheikh-sheikh Haji ini dengan memproses jemaah-jemaah haji boleh mendapat keuntungan yang besar. Adakah Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini ber-cadang supaya dinaikkan pembayaran ini daripada \$25 kepada satu angka yang lebih lagi?

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Setakat hari ini belum ada lagi sebarang cadangan.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya soalan tambahan ini kepada masalah (a) iaitu tentang sheikh-sheikh haji di pelabuhan-pelabuhan. Adakah sheikh-sheikh haji di pelabuhan-pelabuhan yang disebutkan tadi mempunyai syarat-syarat yang ditetapkan oleh Tabung Haji baru dikeluarkan lesen, supaya mereka itu dapat mengurus urusan bakal-bakal haji di pelabuhan itu?

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, di bawah peraturan ejen-ejen haji Lembaga Urusan dan Tabung Haji, 1971 telah mencukupi mengandungi syarat-syarat bagi menentukan boleh diterima atau tidak seseorang yang memohon untuk menjadi ejen-ejen haji itu?

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Soalan tambahan. Tidakkah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ada di antara sheikh-sheikh haji ini telah tidak dapat menunaikan tugas-tugasnya sehingga mengecewakan sebahagian daripada bakal-bakal haji itu?

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, setakat hari ini satu lapuran atau aduan yang tepat berkenaan dengan kelemahan-kelemahan atau kelalaian ejen-ejen haji itu belum kita terima lagi. Jika sekiranya ada satu aduan ataupun satu lapuran yang lengkap berkenaan dengan satu-satu ejen haji itu telah melakukan kesalahan, bolehlah kita mengambil tindakan.

BERAS DALAM SIMPANAN L.P.N.

2. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam menyatakan berapa tan beras yang ada dalam Lembaga Padi dan Beras Negara. Adakah Kerajaan sedar bahawa dalam masa yang akhir-akhir ini, tersangat kurang pemborong-pemborong membeli beras dari L.P.N. dan nyatakan sebab-sebabnya. Benarkah pendapat umum bahawa L.P.N. telah dikalahkan oleh pihak ahli-ahli perniagaan swasta, untuk mendapatkan harga beras yang murah bagi diedarkan pada orang ramai.

Timbalan Menteri Penyelarasan Perbadanan Awam (Datuk Mohamed bin Rahmat): Tuan Yang di-Pertua, jumlah beras yang ada di dalam simpanan L.P.N. sehingga penghujung bulan Jun 1975 ialah 15,467 tan. Adalah benar bahawa di dalam

masa yang akhir ini pembelian beras oleh pemborong-pemborong dari L.P.N. adalah berkurangan sedikit. Ini adalah kerana banyak beras di pasaran bebas hasil daripada pengeluaran padi yang baik di musim penuaian yang lepas. Masaalah kalah atau menang tidaklah timbul. Beras boleh dibeli dan dijual dengan bebas antara peniaga beras yang berlesen dengan syarat tidak melebihi harga kawalan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, adakah Kementerian yang berkenaan ini akan cuba menimbangkan supaya harga kawalan beras yang ada sekarang diturunkan dengan keadaan yang seimbang dengan kehendak penanam dan juga kehendak pembeli beras?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ini adalah satu perkara yang lain dan walaupun kita menetapkan kawalan harga beras itu, ialah setelah kita menimbangkan kepentingan pengguna dan juga kepentingan penanam. Jadi masaalah samada hendak kurangkan lagi atau hendak naikkan lagi, ini terpaksalah kita kaji dengan sebaik-baiknya berasaskan kepada kepentingan pengguna dan juga kepentingan penanam dan sudah tentu tiap-tiap kajian itu mestilah dibuat dengan lebih teliti sebelum keputusan dibuat.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan telah menjawab bahawa beras yang ada di dalam stok L.P.N. tidak kurang daripada 15,467 tan. Saya ingin tahu bahawa beras yang kita simpan ini, pada jangka panjangnya akan mengalami kerosakan. Adakah Kerajaan bersedia akan menurunkan harga beras yang ada dalam stok sekarang supaya dapat diedarkan kepada orang ramai?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, kalau kita simpan beras pun, tidaklah kita simpan sampai busuk atau sampai rosak. Jadi biasanya beras simpanan itu apabila sampai masanya patut dijual dan diganti dengan stok yang lain, memang dibuat dan kita tidak merosakkan makanan.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Kalau beras dijual dengan keadaan sekarang, pemborong-pemborong kita tidak akan menerima sebab harganya mahal.

Harga di kedai-kedai di pasaran swasta harganya lebih murah maka dengan sebab itu mereka tidak mahu membeli beras daripada L.P.N. kerana harganya mahal. Adakah dengan keadaan ini Kementerian akan ber-cadang supaya beras yang ada di dalam stok L.P.N. itu dikurangkan mengikut harga yang dikeluarkan oleh pihak swasta yang ada pada masa sekarang?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jawab tadi bahawa pada musim menuai pembelian beras oleh pemborong-pemborong daripada L.P.N. memang berkurangan, kerana banyak bekalan beras. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari segi penjualan beras oleh L.P.N. kepada pembeli-pembeli mengikut angka yang ada pada tiap-tiap tahun memang meningkat. Bererti banyak orang membeli beras daripada L.P.N. kecuali pada musim menuai dan selepas musim menuai, biasanya banyak yang membeli beras daripada L.P.N.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau tidak silap saya iaitu L.P.N. ini dahulu ditubuhkan supaya jangan lintah darat dapat membeli padi terutama sekali kepunyaan bumiputra yang mana harga berasnya diturunkan sampai \$8 sepikul. Tujuannya supaya meninggikan harga padi, maka sebab itulah ditubuhkan L.P.N. Tetapi boleh atau tidak pada hari ini oleh kerana L.P.N. membeli padi sedikit sangat atau membeli beras tidak berapa banyak lagi. Maka beras-beras ataupun beras luar yang datang ke sini banyak dan harganya pula murah, pada suatu masa yang akan datang tidakkah difikirkan oleh L.P.N. supaya harga-harga padi yang akan dibeli daripada penanam-penanam padi akan turun mengikut harga beras sekarang atau tidak?

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, pihak LPN memang memerhatikan atas perkara ini. Sebagaimana saya katakan tadi, kita bukan sahaja memelihara kepentingan pengguna tetapi juga kepentingan penanam. Kalau pun ada beras-beras yang dibawa masuk daripada luar yang boleh menyebabkan harga beras turun dan harga padi turun tindakan ini diambil oleh pihak yang bertanggungjawab untuk menentukan bahawa perkara ini tidak berlaku. Dan sepertimana yang dimaklumkan baru-baru ini pihak Kastam bersama-sama dengan pihak yang lain sedang menguruskan

masaalah kemasukan beras daripada sem- padan untuk mengelakkan berlakunya ke- jatuhan harga padi yang berlebihan yang menyebabkan kesusahan kepada penanam- penanam padi.

Datuk Mansor bin Mohamad: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya Kementerian yang berkenaan apakah dasar sebenarnya Kementerian ini samada berkehendakkan beras ini banyak dan murah harganya ataupun kurang dan harganya pula mahal? Sebab saya bertanya demikian se- bagaimana yang dikemukakan tadi, beras banyak di pasaran yang boleh dibeli oleh pemborong daripada pedagang luar dan dengan kerana banyaknya itu, harganya jatuh. Tetapi dengan adanya satu sekatan tindakan yang dilakukan oleh LPN se- karang ini iaitu tidak membenarkan pem- borong-pemborong ini memindahkan beras ini dengan sewenang-wenang di antara satu negeri dengan satu negeri yang lain yakni dipaksa kalau daripada Kelantan misal- nya, orang itu hendak mengambil lesen mem-indahkan beras ke Johor ataupun ke Melaka, dipaksa mesti mengambil 50% daripada beras yang hendak dipindahkan itu daripada LPN dengan harga yang lebih mahal, yang semestinya pemborong itu kena jual rugi daripada beras yang dibeli daripada LPN. Kalau tidak dibuat dem-ikian, maka harga beras di Johor itu tidak juga menjadi murah harganya, dengan sebab mereka bawa beras murah daripada luar.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Ber- hormat, apa soalnya?

Datuk Mansor bin Mohamad: Supaya harga beras ini sentiasa menjadi mahal ataupun murah.

Datuk Mohamed bin Rahmat: Tuan Yang di-Pertua, itu bukan dasar LPN untuk hendak menaikkan harga beras ini. Tujuan kita ialah supaya perbekalan beras di negara kita ini cukup di samping penge- luaran padi juga baik dan keadaan harga dapat terus dibeli oleh pengguna-pengguna dengan kemampuannya. Jadi, kita memang mengkaji perkara ini dari masa kesemasa dan dasarnya ialah kita mahu bahawa bekalan beras dalam negara kita ini cukup dan pada paras harga yang berpatutan dan kita juga hendak menjaga kepentingan para petani sendiri dengan menentukan

bahawa harga padi yang dapat dibeli dari- pada mereka itu adalah juga berpatutan. Masaalahnya, walaupun ada sekatan yang ditentukan oleh LPN sendiri mengenai pemindahan padi atau beras ini ialah dari segi hendak menjaga kepentingan pengguna dan juga kepentingan petani-petani.

RANCANGAN BUKU HIJAU

3. Tuan A. Arunasalam minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) Apakah kesan-kesan dan kejayaan yang tercapai setakat ini, sejak di- lancarkan Rancangan Buku Hijau;
- (b) Samada Rancangan Buku Hijau ini berjalan sebagaimana yang dirancang- kan di semua peringkat seperti- peringkat pusat, negeri, daerah dll; dan
- (c) Apakah langkah-langkah Kerajaan bercadang akan ambil untuk mene- rangkan kepada orang ramai bagi menjayakan rancangan ini.

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, sehingga masa ini lebih daripada 48,000 ekar tanah selain dari tanaman sendiri di sekitar rumah telah ditanam dalam Rancangan Buku Hijau. Hasil dari Rancangan ini telah dapat men- tambah pengeluaran bahan-bahan makanan dan menambah pendapatan mereka yang berkenaan.

Rancangan Buku Hijau ini telah berjalan sebagaimana yang dirancangan. Dalam usaha untuk menggalakkan rancangan ini, Kerajaan telahpun menerangkan kepada orang ramai melalui sebaran am seperti radio, talivisyen suratkhbar dan risalah- risalah dan penerangan-penerangan oleh pemimpin-pemimpin dan pegawai-pegawai Kerajaan.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Apakah langkah Kerajaan bagi mengatasi masaalah jatuhnya harga setengah-setengah hasil pertanian di pasaran dalam negeri ini kerana berlebihnya tanaman-tanaman ber- kenaan? Kesannya dari Rancangan Buku Hijau itu sendiri, umpamanya, harga kacang tanah sebelum pelancaran Rancangan Buku Hijau ini harga sepikul \$27 tetapi setelah dilancarkan Rancangan Buku Hijau harga

itu telah menurun sampai \$17. Jadi, apakah langkah pihak Kerajaan untuk mengatasi kejatuhan harga pasaran yang boleh merugikan petani-petani itu sendiri, sedangkan petani-petani itu menyambut seruan Kerajaan dengan Rancangan Buku Hijau.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan itu adalah soalan lain.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebutkan ada sekian ribu ekar yang telah ditanam di bawah Rancangan Buku Hijau. Adakah tanah ini telah sedia ada ditanam kemudian dimasukkan ke dalam Rancangan ini, atau dia belum lagi ditanam baru ditanam dan jumlahnya sebanyak itu. Adakah orang yang sudah menanam dahulu dengan berpuluh-puluh ribu ekar, tetapi waktu itu Rancangan Buku Hijau tidak ada. Bila Rancangan Buku Hijau ini berjalan ambil angka-angka itu semua sekali dimasukkan dalam Rancangan ini. Adakah itu betul atau tidak?

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, itu juga soalan lain.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya tadi telah dengar jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang bertanggungjawab di atas perkara Rancangan Buku Hijau dan saya juga telah berjalan melihat kawasan dan daerah-daerah di mana Rancangan Buku Hijau ini berjalan, setahun saya berjalan melihat; tidak ada tanaman-tanaman yang ditanam oleh orang, sayur pun tidak ada, dan harga sayur pula lebih mahal. Jadi, dengan sebab itu saya hendak bertanya puaskah hati Yang Berhormat Timbalan Menteri yang bertanggungjawab di atas progress yang didapati pada hari ini yang dikatakan 40,000 ekar itu seperti yang dikatakan oleh rakan saya itu sudah ditanam dahulu atau baharu ditanam. Jadi, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan berpuas hati di atas kemajuan-kemajuan yang dicapai ini?

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab tadi, tetapi saya tidak sebut (b), Rancangan Buku Hijau ini telah berjalan sebagaimana yang dirancangkan.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sehingga masa ini setakat manakah kesan Rancangan Buku Hijau kita ke atas pengurangan impot-impot bahan-bahan makanan yang tertentu, terutamanya sayur-sayuran dan bahan-bahan yang ditanam dalam Rancangan Buku Hijau?

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, itu juga soalan lain.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi hanya menunjukkan angka kawasan tanah yang ditanam untuk Rancangan Buku Hijau. Tetapi menurut himmah saya kepada Kementerian ini tidak sedar bahawa usaha telah dibuat oleh petani kita dengan perhaiwanan dan perikanan, mana ini bukannya termasuk dalam Rancangan Buku Hijau?

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini sudah termasuk dalam rancangan ini.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Kalau masuk mengapa Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak sebut berapa kolam, berapa ekor itek yang hidup, berapa ekor ayam yang hidup, yang dicakapkan hanya jumlah ekar tanah sahaja. Ini menunjukkan bahawa Kementerian ini tidak begitu bertanggungjawab dalam masalah Rancangan Buku Hijau ini.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, perkara itu Ahli Yang Berhormat tidak bertanya.

Puan Rafidah Aziz: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidakkah satu daripada tujuan mengadakan Rancangan Buku Hijau ini untuk mengurangkan impot bahan-bahan makanan kita?

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya minta jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah Jabatan atau Kementerian ini bercadang hendak mengeluarkan satu penyata atau report berkenaan dengan Rancangan Buku Hijau ini daripada satu masa ke satu

masa supaya dapat dilihat sejauh mana pelaksanaannya. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri bercadang begitu?

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Perkara itu saya akan ambil perhatian.

PERAYAAN-PERAYAAN PERSEKUTUAN

4. Dr Lim Ah Sitt minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau berfikir sesuai menjemput semua ahli Parlimen untuk menghadiri semua majlis-majlis penting dan perayaan nasional yang diadakan di Ibu Negara seperti Majlis Hari Keputeraan D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Hari Kebangsaan dan sebagainya. Jika ya, adakah Perdana Menteri menimbang menghantarkan kad-kad jemputan kepada semua Ahli Parlimen ketika majlis dan perayaan itu diadakan pada masa akan datang.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, sistem yang diikuti sekarang adalah untuk menjimatkan perbelanjaan Ahli-ahli Yang Berhormat bagi menghadiri perayaan-perayaan Persekutuan yang diadakan di Ibukota. Kerajaan tidak berkemampuan untuk membiayai perbelanjaan ini. Walau bagaimanapun, jika ada perayaan yang istimewa di Wilayah Persekutuan Ahli-ahli Yang Berhormat akan dijemput atau diundang.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, apakah maksud perayaan istimewa dari istilah Yang Berhormat Timbalan Menteri itu?

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, perkara yang luar biasa itu istimewa, dan umpamanya—ini, personally speaking, seperti dahulu saya rasa masa Perayaan Kemerdekaan yang ke 10 semua Ahli-ahli Parlimen dijemput. Barangkali jikalau kita semua panjang umur tidak lama lagi kita akan merayakan Hari Perayaan Kemerdekaan yang ke 20, mungkin perayaan-perayaan yang tersebut itulah yang dikatakan istimewa.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Tuan Yang di-Pertua, Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ialah hari yang disifatkan hari yang berbahagia pada seluruh

rakyat negara ini. Akan tetapi, Ahli-ahli Dewan Rakyat seluruh negara yang di luar daripada Kuala Lumpur ini tidak diundang, jadi bererti adakah dasar Kerajaan untuk menjimatkan perbelanjaan itu sehingga menurunkan imej kita sendiri dari segi jemputan kepada Ahli-ahli Parlimen.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bahawa Perayaan Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia itu sungguhpun saya juga taat, tetapi saya rasa perkara ini tidak luar biasa kerana itu happens every year, tiap-tiap tahun kita adakan. Kalau tiap-tiap tahun hari jadi itu tidaklah luar biasa, dan saya rasa tidaklah menjatuhkan imej kita.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kalau jemputan tiap-tiap tahun tidak dapat bagaimana beliau boleh mengatakan dapat sepuluh tahun sekali, sedangkan tiap-tiap tahun tidak dapat, yang lebih istimewa lagi lebih susah dapat.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kerana luar biasa itu kita akan ingatlah kepada orang yang selalu yang kita tidak ingat itu.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa soalan ini tidak membangkitkan soal kewangan sebab tiap-tiap Ahli-ahli Parlimen yang akan dijemput untuk menghadiri perayaan itu tidak urusan Parlimen. Dan setiap Anggota Parlimen pun tahu bahawa dia tidak akan menuntut elau kalau dia diundang untuk menghadiri perayaan nasional di Ibukota ini. Apa yang menjadi masalah di sini, kenapa Ahli-ahli Parlimen itu tidak diundang, samada dia datang atau tidak itu soal kemudian. Tetapi kenapa dia tidak diundang itu masalahnya. Soal wang tidak berbangkit, sebab Anggota-anggota Parlimen pun tahu benda yang patut dia tuntutan dengan yang tidak patut, tetapi masalahnya kenapa dia tidak diundang. Yang Berhormat Timbalan Menteri kata ini soal lain. Bolehlah dikatakan soal ini soalan lain, tetapi saya hendak tahu kenapa Anggota Parlimen itu tidak diundang, itu tidak berbangkit soal wang.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya akan panjangkan perkara ini ke pengetahuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

PEKEDAI SOROK BARANG-BARANG

5. Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah sikap Kerajaan terhadap perbuatan menyorok barang-barang keperluan penting seperti gula, minyak dan lain-lain oleh pengedar-pengedar dan pekedai-pekedai yang selalu mencemaskan orang ramai dan pengguna-pengguna.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang memandang berat di atas perbuatan pekedai-pekedai yang menyorok barang-barang keperluan terutama sekali barang-barang yang dikawal. Justeru itulah Bahagian Penguatkuasa, Kementerian saya telah menubuhkan Yunit Anti Sorok sejak bulan Mac, 1974 untuk mengambil tindakan ke atas peniaga-peniaga yang cuba menyorok barang-barang keperluan seperti gula, tepung gandum, minyak makan dan sebagainya, dan sehingga ini tindakan mahkamah telah diambil ke atas 67 pekedai-pekedai. Jawatankuasa Anti Sorok pada masa ini telah ditubuhkan di tiap-tiap negeri untuk memudahkan orang ramai menyampaikan aduan dan maklumat mengenai perbuatan menyorok barang-barang ini. Jawatankuasa di peringkat negeri terdiri dari wakil-wakil Kerajaan Negeri, pihak Polis, Kastam, Jabatan Penerangan dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Terima kasih di atas penjelasan yang diberi oleh Menteri yang berkenaan, tetapi apa yang saya mahu mengenangkan ialah soal ketegasan yang kita mesti mengambil perhatian, sebab sekarang walaupun Jawatankuasa-jawatankuasa telah dilantik untuk menyiasat dan pihak Polis yang berkenaan untuk menangkap orang-orang yang berkenaan, tetapi nampaknya tidak juga berkesan dan pihak pengedar yang menyimpan, menyorok barang-barang itu berlaku berleluasa. Yang saya maksudkan biarlah di waktu hendak membaharui lesen-lesen ataupun hendak mengeluarkan lesen-lesen kepada orang-orang yang berkenaan ini hendaklah pihak yang berkenaan memberi amaran supaya jangan sewenang-wenangnya pihak pengedar membuat sesuka hati, apabila terdapat mereka

menaikkan harga barang-barang, mereka terus melapurkan perkara-perkara tersebut di waktu mana beliau

Tuan Yang di-Pertua: Apa soalan tambahannya, Ahli Yang Berhormat?

Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein: Apa yang saya maksudkan ialah ketegasan daripada pihak Kementerian di waktu mengeluarkan lesen-lesen dan membarui lesen kepada pemegang-pemegang, orang-orang yang mengedarkan barang-barang ini hendaklah diberi amaran yang keras supaya janganlah mereka melakukan sewenang-wenangnya perkara yang tersebut ini.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham apa soalnya. (*Ketawa*)

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi kita telah mendengar bahawa ada Bahagian Penguatkuasa bagi mencegah berlakunya penyorokan barang-barang keperluan orang ramai dan Bahagian Penguatkuasa ini telahpun menangkap beberapa orang pengedar-pengedar sahaja. Kalau kita contohkan kepada minyak misalnya, maka ada di antara pengedar-pengedar ataupun pemborong-pemborong itu telah ditangkap, tetapi kalau kita bertanya kepada pengedar-pengedar itu sebahagian yang lain, mereka memang tidak mempunyai minyak kerana mereka dibekalkan terus dari satu tempat yang lebih besar daripadanya dan yang menyimpan, pada fahaman saya ialah gudang yang paling besar dan sejauh manakah sudah Bahagian Penguatkuasa ini telah menyelidiki benarkah bekalan ini tidak ada di tempatnya yang asal? Sebab saya dengar baru-baru ini ada petrol pump yang telah ditangkap kerana menyorokkan bekalan minyak, tetapi di atas daripadanya itu, tempat yang diterima bekalannya barangkali di sana lebih banyak penyorokan telah dilakukan. Adakah Kementerian telah menyiasat perkara yang seperti ini yang dapat ditangkap?

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat itu bertanya berkenaan dengan minyak diesel. Minyak ini ada bermacam-macam jenis minyak, jadi saya percaya apabila disebut petrol pump itu ialah minyak diesel.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Minyak diesel, minyak gas dan lain-lain jenis minyak.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Oleh kerana Yang Berhormat itu menyebutkan petrol pump, saya menyangkakan bahawa pertanyaan ini adalah dihalakan kepada perkara minyak diesel. Jadi, berkenaan dengan minyak diesel ini, saya tidak menafikan bahawa ada berlakunya perkara dalam mana pihak-pihak yang menjual minyak diesel di petrol pump itu telah menyimpan minyak ini dan ada dalam satu dua case yang kita telah tangkap di mana pihak-pihak yang berkenaan itu juga meletakkan notice mengatakan "Minyak Sudah Habis Dijual", tetapi di dalam tangkinya masih ada banyak lagi simpanan minyak. Perkara ini memang berlaku dan tindakan telah diambil oleh Kementerian dalam mana kita telah menangkap lebih kurang dua orang yang menjalankan perbuatan ini dan dengan adanya pula kenyataan yang perkara ini berlaku kita telah mengadakan satu peraturan dalam mana di bawah Undang-undang Perbekalan, semua pihak termasuk pihak yang dibimbangkan oleh Yang Berhormat tadi, pihak yang mengeluarkan minyak (refinery) perlu daripada masa berjalannya kuatkuasa peraturan ini mempunyai lesen; lesen menyimpan, lesen mengedar dan lesen menjual. Jadi, apabila kita mengeluarkan lesen itu kita akan mengenakan syarat-syarat yang tertentu dalam mana satu daripada syaratnya kita akan menetapkan bilangan banyak mana minyak yang boleh disimpan di dalam store. Selepas berkuatkuasanya Peraturan ini, kita akan menjalankan pengawasan menerusi Bahagian Penguatkuasa dan memberi jaminan bahawa bekalan yang ada di dalam simpanan itu adalah setimpal dengan banyaknya bahan yang dibenarkan disimpan.

BANK DUNIA—PINJAMAN

6. Tuan Mohd. Amin bin Haji Yaacob minta Menteri Kewangan menyatakan samada beliau sedar bahawa setengah bantuan pinjaman untuk rancangan pembangunan tanah dalam negeri ini adalah membebaskan peneroka-peneroka kita sendiri dengan cara bayaran faedah yang mana pada akhirnya adalah lebih besar daripada wang pinjaman pokok yang asal, sebagaimana yang ditunjukkan dalam senarai bayaran balik kepada pihak peminjam (Bank Dunia) di bawah:

Pinjaman	\$38,358,000	
Faedah	8½ (0.085)	
Grace	11 tahun	
Period of payment	15 tahun (0.1204204614)	
Grace period		Pokok (+ Capitalised interest)		Faedah 8½% (0.085)	Baki Pokok
1.	...	38,358,000	...	3,260,430	
2.	...	41,618,430	...	3,537,566	
3.	...	45,155,996	...	3,838,259	
4.	...	48,994,255	...	4,164,511	
5.	...	53,158,766	...	4,518,495	
6.	...	57,677,261	...	4,902,567	
7.	...	62,579,828	...	5,319,285	
8.	...	65,899,113	...	5,771,424	
9.	...	71,670,537	...	6,091,995	
10.	...	77,762,532	...	6,609,815	
11.	...	84,372,342	...	7,171,649	... 91,543,996

Grace period		Pokok (+ Capitalised interest)		Faedah 8½% (0.085)		Baki Pokok		
Tahun		Annuity		Faedah		Pokok		Baki
1.	...	11,023,770	...	7,781,239	...	3,242,531	...	88,301,465
2.	...	11,023,770	...	7,505,624	...	3,518,146	...	84,783,319
3.	...	11,023,770	...	7,206,582	...	3,817,188	...	80,966,131
4.	...	11,023,770	...	6,882,121	...	4,141,649	...	76,824,482
5.	...	11,023,770	...	6,530,080	...	4,493,690	...	72,330,792
6.	...	11,023,770	...	6,148,117	...	4,875,653	...	67,456,139
7.	...	11,023,770	...	5,733,686	...	5,290,084	...	62,165,055
8.	...	11,023,770	...	5,284,029	...	5,739,741	...	56,425,314
9.	...	11,023,770	...	4,796,151	...	6,227,619	...	50,197,695
10.	...	11,023,770	...	4,266,804	...	6,756,966	...	43,440,729
11.	...	11,023,770	...	3,692,461	...	7,351,309	...	36,109,420
12.	...	11,023,770	...	3,069,300	...	7,954,470	...	28,154,950
13.	...	11,023,770	...	2,393,170	...	8,630,600	...	19,524,350
14.	...	11,023,770	...	1,659,569	...	9,364,201	...	10,160,149
15.	...	11,023,761	...	863,612	...	10,160,149	...	—
		<u>165,356,541</u>	...	<u>73,812,545</u>	...	<u>91,543,996</u>		

Jika sedar, adakah Kerajaan akan berikhtiar untuk menghapuskan bayaran faedah oleh peneroka-peneroka itu yang akan memberi faedah kepada mereka oleh kerana mereka sungguh miskin dan sangat memerlukan pertolongan Kerajaan.

Timbalan Menteri Kewangan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Tuan Yang di-Pertua, dukacitanya saya kurang pasti daripada punca manakah Ahli Yang Berhormat memperoleh data perangkaan beliau. Walau bagaimanapun, suka saya menerangkan bahawa pinjaman-pinjaman Bank Dunia kepada Kerajaan untuk rancangan-rancangan kemajuan tanah yang dilaksanakan oleh FELDA setakat ini terhad kepada projek-projek Jengka Tiga-segi, Johor Tenggara dan Keratong. Kadar faedah yang dikenakan ke atas pinjaman-pinjaman kepada Kerajaan berubah dari masa ke semasa bergantung kepada kadar yang ditentukan pada masa itu oleh Bank Dunia dari 6¼% dalam tahun 1968 hingga 8% dalam tahun 1974. Kerajaan seterusnya telah meminjamkan semula wang itu kepada FELDA dengan kadar 6¼% setahun.

Kerajaan juga menanggung kos-kos pentadbiran untuk menyanggarkan pinjaman-pinjaman tersebut, membayar bayaran komitmen yang timbul dan risiko pertukaran matawang asing yang terlibat. Ada kalanya

dalam keadaan-keadaan yang tertentu, sebahagian daripada pinjaman-pinjaman itu adalah dianggap sebagai pemberian secara langsung kepada FELDA yang tidak dikehendaki pembayaran balik.

Dengan itu, adalah jelas bahawa Kerajaan sedang membantu peneroka-peneroka dengan memberi subsidi ke atas kadar-kadar faedah yang dikenakan oleh Bank Dunia. Adalah tidak mungkin untuk menghapuskan pembayaran-pembayaran faedah ini semua sekali oleh kerana rancangan-rancangan kemajuan tanah tersebut memerlukan jumlah modal yang besar yang perlu dipinjam dari masa ke semasa dan kadar faedah ke atasnya dibayar oleh Kerajaan pada kadar-kadar faedah pasaran semasa.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kalau sekiranya Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa angka-angka itu bagi beliau tidak pasti, adakah beliau akan berkata bahawa angka-angka ini tidak betul dan oleh kerana itu tidak perlu dilayan?

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya telah sebutkan bahawa saya kurang pasti di mana punca Ahli Yang Berhormat mendapat perangkaan itu. Oleh kerana itu saya tidak boleh mengatakan di sini samada perangkaan itu benar ataupun tidak.

HARGA BARANG-BARANG KAWALAN

7. Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) samada Kerajaan sedar bahawa setiap kali cadangan atau rancangan dibuat oleh Kerajaan untuk menaikkan harga barang-barang kawalan seperti gula, tepong, minyak makan, minyak diesel dan lain-lain barang-barang ini selalu didapati kurang bekalnya atau kehabisan langsung, tetapi sebaik sahaja harganya dinaikkan, barang-barang ini terdapat dengan banyaknya semula;
- (b) jika sedar, apakah langkah yang berkesan yang telah dan akan diambil untuk menentang keadaan seperti ini; dan
- (c) samada tindakan yang diambil memberi kesan yang nyata terhadap orang-orang atau syarikat-syarikat yang menyebabkan keadaan seperti ini.

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberi sedikit penjelasan di atas kemungkinan adanya kekeliruan tentang tanggungjawab pihak-pihak yang menaikkan harga-harga barang-barang kawalan. Mengikut pertanyaan (a) pada saya mungkin Ahli Yang Berhormat ini memikirkan bahawa perkara menaikkan harga barang-barang kawalan adalah bergantung atau terserah kepada pihak Kerajaan. Ini tidaklah sebenarnya. Kerajaan hanya menimbangkan satu-satu permohonan daripada pihak-pihak yang berkenaan yang mengeluarkan barang-barang kawalan dan selepas dikaji dengan mendalamnya di atas kos pengeluaran dan sebagainya, harga barang-barang mentah yang digunakan dan sebagainya, Kerajaan akan meluluskan ataupun menolak satu-satu permohonan.

Memang benar ada kemungkinan peniaga-peniaga yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan dalam usaha-usaha spekulasi mereka dan menyorok barang-barang dari pasaran. Makluman-makluman mengenai perubahan harga bahan-bahan mentah di pasaran antarabangsa dan kenaikan harga barang-barang ini di negara-negara jiran menggalakkan lagi kegiatan-kegiatan spekulasi ini.

Tentang jawapan kepada soalan (b) untuk mengatasi masalah ini Kerajaan telah menguatkuasakan lagi kempen anti sorok. Dalam usaha ini adalah diharapkan orang ramai dapat memberi maklumat kegiatan sorok-menyorok ini.

Tentang soalan (c) jawapannya ialah melalui kempen anti sorok yang dilancarkan itu, syarikat-syarikat dan pekedai-pekedai sentiasa diberi pengawasan yang lebih rapi dan tindakan-tindakan mahkamah yang diambil telah membolehkan Kerajaan menstabilkan harga barang-barang khususnya barang-barang keperluan.

Datuk Nik Hassan bin Haji Nik Yahya: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya soalan tambahan kepada jawapan (a) iaitu adakah satu peraturan ditetapkan di Kementerian Perdagangan tentang siapa yang patut mengisytiharkan kenaikan harga barang, adakah swasta tuannya barang isytihar ataupun Kementerian isytihar? Sebab perkara ini mengelirukan rakyat. Kalau Kementerian isytihar harga barang itu naik, rakyat memikirkan Kerajaan menaikkan harga barang. Kalau swasta mengisytiharkan harga barang itu, rakyat faham swastalah yang menaikkan harga barang. Jadi yang mana satu peraturannya yang patut mengisytiharkan kenaikan harga barang?

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, memang ada peraturannya. Mengikut peraturan yang ada pada kita pengisytiharan itu adalah dibuat oleh pihak yang menaikkan harga barang itu selepas dipersetujui oleh Kerajaan. Kalau ada kenyataan apa-apa daripada pihak Kerajaan khususnya daripada Kementerian yang berkenaan itu adalah semata-mata komen ulasan di atas pertanyaan-pertanyaan umpamanya pemberita-pemberita di atas pandangan sikap pendirian Kementerian itu terhadap kenaikan harga yang telah diturunkan oleh pihak yang berkenaan.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya telah mendengar jawapan yang telah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri yang bertanggungjawab berkenaan dengan anti sorok. Anti sorok ini sekarang oleh kerana pegawai-pegawai anti sorok yang saya dapat tahu dan saya dengar iaitu lemah semangatnya sedikit oleh kerana satu masa dahulu mula-mula kita menjalankan kempen anti sorok, beberapa lori dan beberapa tan gula telah ditangkap di Pulau Pinang. Apabila ditangkap pegawai anti sorok yang betul-betul hendak bekerja untuk rakyat, untuk membasmikan penyorokan, apabila ditangkap dia berkata saya bukan sorok, ini Malayan Sugar punya gula—lepas. Pegawai itu pun menjadi tidak senang hati langsung berhenti kerja. Adakah pada masa yang akan datang anti sorok ini mestilah dijalankan dengan tegas betul-betul janganlah kerana ada tulang belakang yang kuat di belakang, maka boleh lepas begitu. Bolehkan diberi jaminan di atas perkara ini?

Datuk Haji Hamzah bin Datuk Abu Samah: Tuan Yang di-Pertua, perlu saya menyentuh kenyataan yang pertama yang dibuat oleh Yang Berhormat. Saya rasa tidak patutlah dibuat satu kenyataan secara umum dan meliputi pula satu firm dengan tidak ada bukti khusus tentang ini. Ini rasa saya satu kenyataan yang mungkin menyinggung kedudukan seseorang lain. Jadi, saya menerima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Kalau ada bukti yang seperti ini, beritahu saya, saya akan mengambil tindakan yang sewajarnya, tidak patut dibuat tuduhan ataupun kenyataan secara umum dalam Dewan yang bahagia ini seperti mana Ahli Yang Berhormat.

Tentang soalan kedua itu, saya suka memberi jaminan bahawa pihak Kerajaan khususnya Kementerian saya akan mengambil tindakan yang tegas terhadap mana-mana orang yang telah ditangkap dan didakwa. Sukacita saya menyatakan di sini ada dalam dua tiga perkara dalam mana pihak-pihak yang telah dituduh itu cuba mempengaruhi orang-orang besar di atas. Menyuruh kalau boleh pihak saya dan pihak Peguam Negara menarik satu-satu kes yang telah dihadapi oleh pihak-pihak yang berkenaan yang telah dituduh menyorok barang-barang. Suka saya menyatakan di sini bahawa kita tidak mempedulikan permohonan-permohonan atau

rayuan-rayuan daripada pihak yang ke atas sekali supaya kes-kes yang telah dihadapi oleh pihak-pihak itu ditarik balik, kerana kalau kita berbuat demikian sudah tentulah sebagaimana yang dibimbang oleh Ahli Yang Berhormat tadi moral pegawai-pegawai dan semangat pegawai-pegawai yang menjalankan tugas ini tentulah jatuh dan lemah.

ASIA TENGGARA RANTAU BERKECUALI

8. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Luar Negeri menyatakan pandangan Kerajaan terhadap penubuhan Sistem Keselamatan bersama bagi Asia dan bagaimanakah cadangan ini dapat diterima oleh negara-negara ASEAN yang bersetuju menjadikan Asia Tenggara suatu rantau yang aman dan berkecuali.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan Soviet Union itu setakat mana matlamat-matlamatnya ialah untuk keamanan dan keselamatan di Asia sebagai sumbangan bagi keamanan dan keselamatan sedunia, matlamat-matlamat itu adalah baik. Walau bagaimanapun, sejauh mana yang kita ketahui butir-butirnya belum lagi dinyatakan dan kita berpendapat sebarang cadangan untuk mengadakan sistem keselamatan bersama yang meliputi seluruh Asia akan menghadapi pelbagai masaalah rumit yang akan mengambil masa bagi dirumuskan. Sementara itu kita terus bergiat dalam usaha penubuhan satu Kawasan Keamanan, Bebas dan Berkecuali di Asia Tenggara seperti yang termaktub dalam Pengisytiharan Kuala Lumpur yang merupakan sumbangan yang lebih berkesan dan praktikal ke arah keamanan dan keselamatan di wilayah ini, yang telahpun mendapat banyak sokongan.

TOPI KELEDAR—PENGUNAAN

9. Puan Dasimah Dasir minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan mengapakah undang-undang mengenai penggunaan topi keledar dikenakan kepada orang-orang yang tertentu sahaja dan dihadkan kuatkuasanya kepada setengah-setengah kawasan sahaja dan tidak ke seluruh negeri.

Timbalan Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan (Tuan Richard Ho Ung Hun): Tuan Yang di-Pertua, buat permulaan

seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, peraturan-peraturan yang mewajibkan pemakaian topi keledar oleh penunggang dan penumpang motosikal ini telah dikuatkuasakan di dalam kawasan-kawasan Petaling Jaya, Kuala Lumpur, Ipoh dan Pulau Pinang mulai 15hb Februari, 1975 yang lalu. Peraturan-peraturan ini diadakan di empat buah kawasan ini terlebih dahulu oleh kawasan-kawasan tersebut ialah kawasan-kawasan yang sesak sekali dengan lalulintas di negara kita ini. Sebelum dari tarikh peraksanaan itu, saya juga telah berpuas hati bahawa penunggang dan penumpang motosikal di tempat-tempat ini telahpun diberitahu dengan secukupnya tentang kegunaan topi keledar.

Kementerian saya memang bercadang hendak meluaskan peraturan-peraturan yang mewajibkan pemakaian topi keledar ini ke seluruh negara, dan ianya akan diadakan secara berperingkat-peringkat. Saya ingin memberi masa yang lebih panjang lagi kepada penunggang-penunggang dan penumpang-penumpang motosikal yang berada di kawasan-kawasan yang tidak terlibat itu, supaya mereka boleh betul-betul faham akan kegunaan dan faedah pemakaian topi keledar. Saya juga berharap mereka yang tidak terlibat itu akan mencontohi penunggang-penunggang dan penumpang-penumpang di empat buah kawasan seperti yang tersebut di atas dan sedia memakai topi keledar walaupun peraturan-peraturan tersebut belum dikuatkuasakan di tempat-tempat mereka.

Mengikut peraturan 5 Undang-undang Topi Keledar, haji-haji dan hajjah-hajjah dan juga orang-orang yang beragama Sikh yang memakai serban sewaktu menunggang motosikal telah dikecualikan dari memakai topi keledar. Keputusan ini telah diambil setelah Kementerian saya menerima banyak rayuan dari segolongan besar dari orang-orang yang berkenaan itu dan meminta dikecualikan oleh sebab-sebab ugama.

PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA PARTI KOMINIS MALAYA

10. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Luar Negeri menyatakan dari sumber manakah di Republik Rakyat China perutusan tahniah kepada Parti Kominis Malaya diterima sempena perayaan hari ulang tahun yang keempat puluh penubuhan parti itu.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, mengikut ucapan tahniah itu adalah dari Jawatankuasa Pusat Parti Kominis China yang menghantarnya, iaitu ucapan tahniah kepada Jawatankuasa Pusat Parti Kominis Malaya sempena dengan hari ulang tahunnya yang keempat puluh lima.

L.L.N.—TUNTUTAN NAIK GAJI PEKERJA

11. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Tenaga, Teknologi dan Penyelidikan menyatakan kedudukan tuntutan kenaikan gaji oleh pekerja-pekerja L.L.N. sekarang.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, pertelingkahan tuntutan-tuntutan gaji dan syarat-syarat perkhidmatan berkaitan dengan Suruhanjaya Harun oleh pekerja-pekerja Lembaga Letrik Negara adalah terkandung di dalam tuntutan seperti berikut:

- (a) Elaun Giliran Kerja;
- (b) Tanggagaji Pekerja-pekerja Buruh Am di atas tanggagaji \$130×5-150 diubah kepada tanggagaji \$150×5-170;
- (c) Menggred semula Kategori D19-12 di atas tanggagaji \$180×10-210 kepada Kategori D 19-9 di atas tanggagaji \$200×10-240;
- (d) Waktu Kerja bagi Pekerja-pekerja Luar;
- (e) Pengiraan Tunggakan Elaun Perumahan;
- (f) Bayaran Kebelakangan Elaun Lebih Masa;
- (g) Bayaran Kebelakangan Elaun Dobi.

Penyelesaian ke atas tuntutan-tuntutan (a), (b), (c) dan (d) telah diterima oleh pihak Pekerja-pekerja dan sementara tuntutan-tuntutan ke atas:

Perkara (e) berkenaan Pengiraan Tunggakan Elaun Perumahan telahpun dirujuk kepada Suruhanjaya Harun untuk pertimbangannya;

Perkara (f) berkenaan Bayaran Kebelakangan Elaun Lebih Masa sudah dirujuk kepada Jabatan Perkhidmatan Awam; manakala;

Perkara (g) berkenaan Bayaran Ke-belakangan Elaun Dobi telah ditolak oleh Pihak Lembaga Letrik Negara kerana ianya adalah bertentangan kepada prinsip perkhidmatan yang sedang dipakai.

PELARIAN KEMBOJA/ VIETNAM SELATAN

12. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Luar Negeri menyatakan berapa jumlah orang pelarian yang mencari perlindungan di Malaysia akibat peperangan Indo-China baru-baru ini, iaitu mereka yang datang dari Kemboja, Laos dan Vietnam Selatan. Apa sumbangan yang dapat diberikan oleh Malaysia dari segi perike-manusiaan kepada mereka melalui Per-satuan Palang Merah Antarabangsa.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Malaysia sedang memberi perlindungan sementara kepada 339 orang dari Kemboja dan 997 orang dari Vietnam Selatan yang sampai ke Malaysia. Ini dilakukan atas asas perikemanusiaan.

Semua mereka yang datang dari Vietnam Selatan menjelaskan bahawa mereka ingin menuju ke negara-negara lain. Kebanyakan mereka mahu pergi ke Amerika Syarikat. Kerajaan sekarang sedang menghubungi Kerajaan Amerika Syarikat dan juga Kerajaan lain-lain negara berhubung dengan kemungkinan mereka mengambil pelarian-pelarian yang telah menyatakan hasrat mereka untuk pergi ke negara-negara tersebut.

Sekarang ini, persoalan bantuan Kerajaan kepada Jawatankuasa Palang Merah Antarabangsa tidak timbul. Walau bagaimanapun, sekiranya Jawatankuasa tersebut ingin memberi sebarang bantuan bagi kebajikan pelarian-pelarian di Malaysia ianya dialukan-alukan berbuat demikian.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa ada daripada orang-orang pelarian itu yang memohon tinggal di negeri Malaysia ini?

Datuk Abdullah Ahmad: Tidak sedar.

Datuk Mansor bin Mohamad: Sekiranya salah seorang daripada pelarian itu, katalah, dia itu anak dara yang telah masuk Islam,

kemudian kahwin dengan orang kita, bolehkah Kerajaan membenarkan dia tinggal di sini?

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, perkara itu tak timbul lagi.

Datuk Mansor bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, seorang pelarian itu telahpun masuk Islam dan ada ura-ura hendak berkahwin di Trengganu. Itulah sebabnya saya bertanya.

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, itu baru ura-ura.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Dalam jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan menyatakan bahawa orang-orang pelarian itu akan menuju ke negara yang lain. Jadi, saya ingin tahu adakah benar bahawa satu tuduhan yang telah dilemparkan kepada Malaysia ini bahawa orang-orang pelarian itu dihalau ke Singapura oleh sebab layanan kita tidak memuaskan?

Datuk Abdullah Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, tuduhan itu tidak betul.

ORKES AL-WATHAN

13. Puan Zawiyah binti Abdullah minta Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas menyatakan:

- (a) Jumlah wang yang dibelanjakan setiap tahun bagi Orkes Al-Watan dari Indonesia untuk menghiburkan peneroka-peneroka di Rancangan-rancangan Tanah FELDA; dan
- (b) Samada beliau bercadang untuk meneruskan hiburan itu di tahun-tahun yang akan datang.

Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas (Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda): Tuan Yang di-Pertua, tidak ada perbelanjaan yang dikeluarkan pada tiap-tiap tahun. Sepanjang ini perbelanjaan yang dikeluarkan hanya untuk tahun 1973 dan tahun 1975 sahaja.

<i>Tahun</i>				<i>Jumlah</i>
1973	\$31,000
1975	\$32,600

Setakat ini belum ada rancangan lagi untuk tahun-tahun yang akan datang.

Datuk Mansor bin Mohamad: Soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, kalau-lah tujuan membawa orkes ini untuk menghiburkan peserta-peserta FELDA itu, maka kenapakah dibazirkan wang yang begitu banyak dengan membawa hiburan pasukan orkes daripada luar negeri, sedangkan dalam negara kita sendiri banyak bakat-bakat baru dalam segi seni muzik dan seni suara yang boleh dibawa ke mana-mana dengan bayaran yang paling murah. Untuk hiburan ini memang perlu, memang siapapun boleh terima, tidak ada komplek.

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Tuan Yang di-Pertua, kedatangan Orkes Al-Watan ke dalam rancangan FELDA bukan sahaja untuk hiburan, akan tetapi diselitkan di dalam hiburan itu dengan unsur-unsur dakwah, sebab adalah diyakinkan bahawa sebahagian besar daripada angkatan muda kita sekarang akan lebih senang dapat mengikuti dan mendekati seruan dakwah melalui hiburan seperti itu. Dengan sebab itu, maka kita telah menjemput orkes ini. Ada juga orkes-orkes yang bersifat seperti ini di Malaysia, tetapi kebanyakan daripada anggota orkes itu adalah orang-orang yang terikat dengan khidmat masing-masing yang tidak dapat meninggalkan khidmatnya lebih daripada beberapa hari sahaja.

Kedatangan Orkes Al-Watan pada tahun 1973 dahulu hampir ke separuh kawasan FELDA telah dilalui, maka tahun 1975 ini oleh kerana permintaan daripada kawasan-kawasan FELDA yang tidak sempat didatangi oleh rombongan orkes ini pada tahun 1973 dahulu, maka terpaksa dibawa lagi pada tahun 1975 ini bagi memenuhi tempat-tempat yang tidak pernah ditempuhnya pada tahun 1973.

PENYELUDUPAN SENJATAPI MODEN

14. Datuk Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada benar dari semenjak pecah perang di negara-negara di Indo-China, banyak alat-alat senjata dan kelengkapan telah diseludupkan ke Malaysia dan nyatakan jumlah yang dapat dirampas, dan dapatkah dikesan samada senjata-senjata itu juga telah terlepas ke tangan penganas komunis.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Datuk Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar. Walau bagaimanapun kemungkinan berlakunya penyeludupan senjatapi-senjatapi moden ke negara kita ini adalah satu perkara yang dikhuatirkan. Tindakan bagi mencegah perkara ini berlaku telah dilancarkan. Kerajaan telah mengambil langkah berunding dengan Kerajaan Thailand mencari titik kerjasama yang erat bagi mengatasi masalah ini. Mereka juga sedar akan implikasinya jika penyeludupan terus berleluasa. Di samping itu semua ejensi Kerajaan telah diarah supaya berwaspada akan kegiatan-kegiatan ini. Di sini sukalah saya menggesa Yang Berhormat sekalian sebagai Wakil Rakyat di tempat masing-masing untuk bersama menyeru rakyat bekerjasama dengan ejensi-ejensi Kerajaan bagi menjaga keselamatan negara kita sendiri, kerana keselamatan adalah kunci kepada Kerajaan dan juga rakyat melaksanakan rancangan pembangunan negara.

KEMALANGAN JALANRAYA

15. Dr Lim Ah Sitt minta Menteri Kerja Raya dan Pengangkutan menyatakan bahawa memandangkan bertambahnya bilangan kemalangan jalanraya samada beliau akan menimbang.

- (a) menaikkan had umur untuk lesen pemandu daripada 16 kepada 18 tahun;
- (b) mengadakan ujian kelayakan yang lebih keras dan mendalam bagi pemohon-pemohon baharu untuk lesen-lesen pemandu; dan
- (c) mengusahakan dengan lebih teliti kelayakan pemeriksa-pemeriksa yang hendak bersikap jujur, berdedikasi dan tidak menerima rasuah yang dapat menjalankan tugas-tugas mereka dengan penuh kejujuran dan keikhlasan hati.

Tuan Richard Ho Ung Hun: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Mengikut Seksyen 33 Ordinan Lalulintas 1958, seseorang itu hanya boleh mendapat lesen memandu motosikal atau pun "Invalid Carriage" apakala ianya berumur 16 tahun ke atas dan lesen memandu kereta apakala ianya berumur 17 tahun. Sementara mengikut Seksyen 33 (3) Ordinan itu, tidak ada sesiapa yang berumur di bawah 21

tahun yang boleh memiliki lesen memandu kereta-kereta berat (trekker, jentera-jentera bergerak yang berat dan ringan dan kenderaan perkhidmatan awam). Setakat ini Kerajaan tidak bercadang hendak meninggikan lagi had umur memiliki lesen memandu seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

(b) Arahan untuk memperketatkan lagi ujian kelayakan bagi mendapatkan lesen memandu telah dikeluarkan oleh Ibupejabat Pengangkutan Jalan baru-baru ini kepada semua Pejabat Pengangkutan Jalan Negeri meminta supaya diadakan lebih banyak lagi lapangan-lapangan (bays) untuk menguji calon-calon. Selain daripada pertukaran tempat lapangan-lapangan ujian yang sentiasa dilakukan, Pendaftaran-pendaftaran telah diarahkan untuk memerhati supaya penguji-penguji dreber tidak semestinya membuat keputusan daripada ujian yang dijalankan sahaja, misalnya samada calon-calon melanggar tanda atau sebagainya tetapi juga mestilah memerhatikan gaya dreber yang diuji itu membawa kenderaannya. Kaedah ini boleh menimbulkan sungatan-sungatan seperti yang berlaku di Johor oleh kerana unsur-unsur "subjectivity" ini diperkenalkan. Walau bagaimanapun, adalah dirasakan bahawa jika sekiranya ianya dapat dilaksanakan dengan betul-betul, taraf kecekapan atau "competency" pemandu-pemandu akan dapat dipertingkatkan.

(c) Kelayakan dan pengalaman penguji-penguji dreber adalah seperti yang ditentukan mengikut syarat perkhidmatan bagi jawatan tersebut; dan mereka yang tidak mempunyai kelayakan dan pengalaman seperti yang dikehendaki mengikut Skim Perkhidmatan itu tidak akan diambil bagi memenuhi kekosongan jawatan penguji Dreber. Selain dari itu taksiran juga adalah dibuat ke atas sikap serta pendirian seseorang calon itu khususnya terhadap kerja yang diminta dan pada umumnya sikapnya terhadap masyarakat untuk menentukan kesesuaiannya.

Sekiranya Ahli Yang Berhormat Senator ataupun sesiapa juga yang mempunyai maklumat bahawa ada di-

antara Penguji Dreber yang dianggap tidak bersikap jujur, atau tidak mempunyai dedikasi dalam kerjanya atau menerima rasuah atau sebagainya, sukacitalah saya supaya perkara ini dilaporkan kepada Kementerian saya atau Ibu Pejabat Pengangkutan Jalan supaya perkara ini dapat disiasat dan tindakan yang setimpal dengan kesalahan-kesalahan itu dapat diambil terhadap mereka yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk soal-jawab sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 16 hingga 18 adalah diberi di bawah ini).

KERAJAAN REVOLUSI SEMENTARA VIETNAM SELATAN

16. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Luar Negeri menyatakan pandangan Kerajaan Malaysia terhadap suatu kenyataan yang dibuat oleh Kerajaan Revolusioner Vietnam bahawa ia suka hendak bekerjasama dan mengadakan perhubungan rapat dengan negara-negara ASEAN tetapi perkara ini tiada dapat dilaksanakan selagi ada tentera-tentera Amerika di Thailand dan di Filipina dan tiada dapat menjadikan Asia Tenggara satu rantau yang aman dan damai.

Datuk Abdullah Ahmad: Ahli Yang Berhormat merojokkan pertanyaannya kepada kenyataan yang dibuat oleh Kerajaan Revolusi Sementara Vietnam Selatan. Pada hemat saya tidaklah kena pada tempatnya bagi kita mengulas kenyataan tersebut terutamanya kerana ulasan yang demikian menyangkut negara-negara lain di rantau ini. Terpulanglah kepada Kerajaan Revolusi Sementara Vietnam Selatan sendiri untuk menentukan apakah cara yang paling baik untuk mengadakan hubungan dengan negara-negara tetangganya di Asia Tenggara.

Bagi pihak Malaysia, pendirian kita mengenai hubungan dengan Kerajaan Revolusi Sementara itu telah dijelaskan di dalam Kenyataan Pengiktirafan dan lain-lain kenyataan yang telah saya buat menyangkut hal ini di Parlimen, iaitu kita mengalu-alukan tamatnya perang di negara itu, kita

menghulurkan tangan persahabatan dan kita bersedia menjalin hubungan terbaik-baik serta bekerjasama dengan mereka.

**SOUTH EAST-ASIA FIRE BRICKS
INDUSTRIES/GOH BAN HUAT
KUALA LUMPUR—TUNTUTAN
NAIK GAJI PEKERJA**

17. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan keputusan yang telah dicapai setakat ini berhubung dengan tuntutan-tuntutan kenaikan gaji oleh pekerja-pekerja (a) kilang South-East Asia Fire Bricks, (b) Goh Ban Huat dan (c) Syarikat Renong Tin Dredging di Batu Caves.

Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan Haji Hassan Adli bin Haji Arshad): Kedudukan berkenaan dengan tuntutan kenaikan gaji bagi dua dari Syarikat-syarikat tersebut adalah seperti berikut :

(a) *South East-Asia Fire Bricks Industries Sdn. Bhd., Kuala Lumpur*

Perkara ini telah dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan oleh Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat di bawah Seksyen 23 (2) Akta Perhubungan Perusahaan, 1967. Mahkamah telah menetapkan 4 hari untuk mendengar kes ini iaitu dari 12hb. hingga 15hb November, 1975.

(b) *Goh Ban Huat, Sdn. Bhd., Kuala Lumpur*

Perkara ini telah juga dirujuk kepada Mahkamah Perusahaan di bawah Seksyen 23 (2) Akta Perhubungan Perusahaan, 1967. Kes ini akan didengar di Mahkamah Perusahaan pada 25hb hingga 30hb Ogos, 1975.

(c) Kementerian ini tidak sedar akan adanya sebarang tuntutan kenaikan gaji oleh pekerja-pekerja Renong Tin Dredging Co. Ltd., Batu Caves.

PENEROKA FELDA—HAKMILIK

18. Puan Zawiyah binti Abdullah minta Menteri Tanah dan Galian dan Tugas-tugas Khas menyatakan jumlah peneroka-peneroka FELDA yang telah meninggal dunia dan dari jumlah itu berapa ramai daripada mereka yang telah selesai dipindah-milikkan tanah mereka kepada balu-balu mereka.

Datuk Haji Mohamed Asri bin Haji Muda: Sehingga 30hb Jun, 1975, sejumlah 628 peneroka FELDA telah meninggal dunia. Daripada jumlah tersebut, 460 hakmilik telah dipindahkan kepada balu simati, 39 kepada anak simati dan 3 dipulangkan semula kepada FELDA kerana waris-waris simati tidak berminat mengambil alih tanah itu. 127 kes lagi masih dalam penyelesaian.

USUL-USUL

**AKTA (SARAAN AHLI-AHLI)
PARLIMEN, 1960**

Pindaan kepada Jadual Akta

3.45 ptg.

Timbalan Menteri Undang-undang (Datuk Athi Nahappan): Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengemukakan usul yang berbunyi seperti berikut :

Bahawa mengikut peruntukan Seksyen 4 kepada Akta (Saraan Ahli-ahli) Parlimen, 1960, Dewan ini mengambil ketetapan bahawa pindaan yang berikut ini dibuat kepada Jadual Akta tersebut :

“Selepas sahaja butiran 4 di dalamnya tambah butiran 4A yang berikut :

‘4A. Motor Car Loans: Members shall be entitled to a Government car loan at amount and rates to be fixed by the Government from time to time.’ ”

Adapun tujuan usul ini ialah untuk membuat pindaan kepada Jadual Akta (Saraan Ahli-ahli) Parlimen, 1960 bagi menambah satu butiran baharu bagi membolehkan Ahli-ahli Parlimen diberi pinjaman bagi membeli kenderaan, sebagaimana yang diberi kepada pegawai-pegawai Kerajaan. Pindaan kepada Akta ini boleh dilakukan melalui usul di Dewan ini sebagaimana yang ditetapkan oleh Seksyen 4 kepada Akta yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, penggunaan kenderaan seperti motorkar adalah sangat mustahak kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi menjalankan tugas dan tanggungjawabnya untuk melawat kawasan masing-masing dan juga untuk menghadiri mesyuarat-mesyuarat Parlimen. Bukanlah semua Ahli-ahli Yang Berhormat ini orang yang senang atau mampu untuk membeli motokar.

Dengan lulusnya usul ini maka bolehlah mana-mana Ahli Yang Berhormat yang suka hendak meminjam memohon berbuat demikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Setiausaha Parlimen kepada Menteri Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

3.48 ptg.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberi sokongan yang sepenuhnya kepada usul yang ada di hadapan kita ini yang dibawa oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan. Saya rasa sudah terlambat. Walau macammana terlambatnya ada peluang bagi Ahli-ahli Dewan Negara ini meminjam duit untuk membeli motorkar bagi menjaga darjatnya sebagai Ahli Dewan Negara yang tarafnya menghendakkan sebuah kenderaan yang baik dan juga sebagai hendak menjalankan khidmatnya sebagaimana yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Cuma satu lagi saya fikir patut Kerajaan memikirkan bahawa Rang Undang-undang ini patut ditambah dalam bahagian Ahli-ahli Parlimen iaitu pinjamin kerana membeli rumah. Rumah ini juga saya fikir bukan semua Ahli-ahli Dewan Negara yang kaya-kaya, yang hartawan, jutawan, ada yang miskin macam saya ini, ada yang tak berupaya hendak membeli rumah yang setaraf dengan darjatnya. Kalau ada peluang ini diberi oleh Kerajaan, sesiapa juga Ahli Ahli Dewan Negara yang hendak meminjam duit kerana membeli rumah akan lapanglah dadanya, akan berumahlah mereka setelah mereka tamat berkhidmat sebagai Ahli Dewan Negara. Rumah ini, Tuan Yang di-Pertua, lebih mustahak daripada motorkar untuk melindungi isteri Ahli Dewan Negara dan keluarga Ahli Dewan Negara, bukan setakat dia bekerja, setakat anak cucunya sebagai bekas Ahli Dewan Negara. Kalau ada peruntukan ini dibenarkan pada satu masa akan datang, satu peluang keemasan dan rakyat negeri ini akan mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan ini bahawa Kerajaan ini juga bertanggungjawab memberikan pinjaman kepada Ahli-ahli Dewan Negara berhubung dengan rumah dan ini

juga tidak lari sebagaimana Kerajaan telah beri kepada setengah-setengah kakitangan Kerajaan.

Sekian, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

3.51 ptg.

Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Saya bercakap sedikit sahaja dalam masaalah loan ini.

Pada cempedak baik angka,

Pada tidak, baik ada.

Akan tetapi, saya menyokong seperti sahabat saya tadi bahawa masanya sudah lewat bagi Dewan ini mengingati Ahli-ahli Dewan ini sendiri. Sekarang ini pula dapat loan cuma \$8,000 sahaja. Tetapi walaupun dalam Bill itu akan ditimbang dari semasa ke semasa, bunyinya cukup sedap yang diberi hanya \$8,000 sahaja sama dengan kakitangan Kerajaan. \$8,000 ini, Tuan Yang di-Pertua membeli Mini Minor pun tidak cukup. Dalam undang-undang ini tidak boleh beli second-hand. Saya sukalah kalau Kerajaan dapat menimbang pemberian itu biarlah agak menasabah. Dalam Kerajaan sendiri pun bukan kurang ahli fikir: peguam kita banyak, ahli tenaga, ahli falsafah ada, ahli pakar pun ada, doktor banyak yang patut membelah, sekarang ini jaga tanah umpamanya. Begitulah keadaan banyaknya pegawai-pegawai Kementerian dalam negeri kita. Cuba kita berfikir, kalau kita beri peruntukan yang menasabah, baru berlaku menasabah dan baru timbul keadilan. Jikalau kita memberi satu barang yang tidak menasabah maka tidak timbul keadilan itu. Apabila tidak timbul keadilan jatuhnya tidak adil juga. Dengan sebab itu saya menyeru Kerajaan supaya menimbang agar bayaran itu agak sesuai dengan tarafnya. Barang siapa berhajat, ada keupayaan, ada kesanggupannya, dia boleh meminjam seberapa banyak yang dia boleh. Kalau ditakdirkan saya da'if, harus saya tidak pinjam ataupun saya pinjam sekadar yang saya mampu. Tetapi janganlah untuk yang atas itu dihadkan kepada kadar yang tertentu atau disamakan dengan pinjaman kakitangan Kerajaan.

Jadi saya sekali lagi menyeru kepada Kerajaan walaupun Bill ini saya rasa tidak perlu pada waktu ini, tetapi kerana takut takabur, saya menyokong. Tetapi saya merayu supaya Kerajaan menimbang

peruntukan yang dibuat dari semasa ke semasa itu hendaklah sesuai dengan harga barang, dengan keadaan dan kedudukan kita.

3.54 *ptg.*

Puan Dasimah Dasir: Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong dan mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan yang telah memandang keadaan Ahli-ahli Dewan yang miskin tidak mampu mempunyai kereta baru. Tetapi saya tumpang bertanya kepada Kerajaan yang mana saya tahu sahabat saya Datuk Athi Nahappan menyatakan pinjaman itu \$8,000. Dengan \$8,000 motokar apakah yang hendak dibeli? Begitu juga kalaulah hendak membeli kereta baru terpaksa kena hutang kepada yang mempunyai kereta itu atau kepada Syarikat Finance, kalaulah harga motokar itu sekurang-kurangnya \$11,000 jadi kepada siapakah geran itu akan dipegang? Hendak beri kepada Kerajaan atau hendak beri kepada tuanpunya kereta itu? Ini pun tidak diberitahu di dalam undang-undang ini. Saya rasa ianya akan menambah beratkan lagi.

Jadi saya menyokonglah usul yang dikemukakan oleh Datuk Athi Nahappan tadi supaya diberi dengan seadil-adilnya supaya menyenangkan betul-betul Ahli-ahli Dewan ini, bayaran itu janganlah terlampau berat. Sebaliknya biarlah ia ringan. Sebagaimana sekarang saya membayar \$258. Harga kereta saya \$11,500, belum habis lagi dibayar, accident pula tiga kali. Jadi kalau keadaan begini akan semakin susah. Maka saya berharap timbangkanlah semula.

3.56 *ptg.*

Cik Tom Saudah binti Haji Othman: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong penuh di atas usul yang dibawakan oleh Timbalan Menteri tadi dan bagi pihak saya diri saya, saya menyokong juga sepertimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Datuk Abdul Razak supaya pihak Kerajaan menimbang dengan seadil-adilnya jangan jadi macam mana yang setahu saya bagi pihak negeri telah memberi \$8,000 dan selepas itu terpaksa pula pergi pinjam di bank. Begitulah kalau orang yang ada harta boleh juga kalau pinjam di bank kalau ambil \$3,000 dia mahu pula sampai tiga empat relong bendang. Saya harap supaya dapatlah pinjaman ini mendapat keadilan. Janganlah menerukkan Ahli-ahli Dewan yang akan dapat pinjaman itu.

Dan begitu juga kalau kita kata \$8,000 setengah-setengah itu pergilah ambil kereta second hand di Singapura dan di samping itu pula cukai Kerajaan telah ambil sampai 72 peratus. Jadi beginilah keadaannya bagi pihak Ahli-ahli Dewan yang susah seperti rakan-rakan saya yang kebanyakannya susah kalau hendak dapat sebuah kereta itu. Bagi pihak saya, saya ucapkan berbanyak terima kasih kepada pihak Kerajaan yang mana pada hari ini kita akan dapat meminda Rang Undang-undang ini dan dapat kita sama-sama mendapat nikmatnya yang telah kita dapat membuat keputusan.

3.58 *ptg.*

Tuan Haji Mohd. Saaid bin Haji Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini. Bagi saya jikalau pinjaman diberi kepada Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri sebanyak \$10,000, mengapa kepada Ahli-ahli Dewan Parlimen mendapat \$8,000? Ini sepatutnya kita kaji dengan halus perbezaan di antara Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli-ahli Dewan Parlimen.

3.59 *ptg.*

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap sedikit berkenaan dengan usul ini. Ahli-ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara adalah boleh dikatakan yang membuat undang-undang dan meluluskan undang-undang.

Ada setengah-setengah daripada pegawai-pegawai tinggi Kerajaan boleh mendapat pinjaman daripada Kerajaan lebih banyak lagi seperti Division I dan Superscale pun dapat lebih banyak daripada Ahli-ahli daripada kedua-dua Dewan ini. Jadi saya fikir tidak patutlah diberi pinjam, (saya pun tidak dapat tahu berapa banyak) \$8,000 disebabkan prestige Ahli Dewan yang mana saudara-saudara saya telah bercakap tadi kalau dapat \$8,000 hendak membeli kereta yang berharga \$15,000 tentulah sekurang-kurangnya \$7,000—\$8,000 mesti dicari lagi. Dengan hal yang demikian, Kerajaan mestilah memikirkan jikalau pegawai-pegawai Kerajaan misalnya boleh. Superscale kalau dibandingkan dengan taraf Ahli-ahli Dewan ini dan Dewan Rakyat boleh naik kapal terbang Kelas Satu, kami naik Second Class. Jadi di mana ada prestige Ahli-ahli Dewan ini?

Begitu juga jika kita dapat pinjaman \$8,000 daripada Kerajaan walhasil pegawai-pegawai Kerajaan mendapat \$15,000 maka ini tidak ada keadilan. Boleh jadi Kerajaan memikirkan, kami Ahli-ahli Dewan, samada Dewan Negara ataupun Dewan Rakyat, berkhidmat dalam Dewan Negara 6 tahun, Dewan Rakyat 5 tahun maka pinjaman yang kami akan bayar dalam tempoh itu mestilah mencukupi apa yang akan dipotong. Jadi, kalau begitu mestilah juga difikirkan Ahli-ahli Dewan daripada Dewan Rakyat ke Dewan Negara yang berkhidmat barangkali lebih daripada 9 tahun, mereka ini akan dapat pencen sebagaimana juga pegawai-pegawai Kerajaan. Mereka ini esok akan dapat bonos dan sebagainya, maka bolehlah Kerajaan memotongnya daripada bonos dan lain-lainnya. Dengan sebab itu, saya menyokong peruntukan pinjaman ini dan siapakah yang tidak mahu menyokong. Semua orang mahu menyokong asalkan dapat duit tetapi pinjaman itu mestilah dilebihkan daripada yang saya dengar ura-uranya cuma \$8,000 sahaja.

4.02 ptg.

Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyokong Rang Undang-undang ini, di samping itu saya suka menarik perhatian bahawa atas pinjaman yang diberi kepada Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat peruntukan untuk membeli kereta yang mana di dalam soal ini tujuannya ialah supaya Ahli-ahli ini membeli kereta dengan tidak meminjam daripada tempat-tempat yang faedahnya lebih.

Kita tahu bahawa sebuah kereta yang kita hendak beli seperti kereta Peugeot yang berharga lebih kurang \$17,000 yang mana kita dapat beli kereta itu dengan membayar pendahuluan sebanyak \$5,000. Tetapi yang bakinya itu kita kena membuat pinjaman yang faedahnya lebih. Dengan keadaan yang begitu saya menyokong sama dengan rakan-rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa pinjaman itu patutlah dipertimbangkan supaya pihak Kerajaan dapat memberikan pinjaman yang cukup untuk membeli sebuah kereta. Jadi dengan keadaan yang begitu dasar Kerajaan memberi pinjaman kepada Ahli-ahli Dewan ini akan kena pada tempatnya.

4.06 ptg.

Timbalan Menteri Undang-undang (Datuk Athi Nahappan): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya suka mengucapkan sebanyak terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang memberi pandangan atas usul ini. Saya sedar pada dasarnya semua Ahli-ahli Yang Berhormat adalah menyokong usul ini tetapi ada juga pandangan-pandangan yang diberi atas amount pinjaman yang diberi, tetapi usul ini tidaklah menetapkan pada satu jumlah (amount). Usul ini cuma menyebutkan dalam bahasa Inggeris:

“Members shall be entitled to a Government car loan at amount and rates to be fixed by the Government from time to time.”

Ada dua bahagian dalam usul ini. Yang pertama ialah prinsip pinjaman. Tiap-tiap Ahli Parlimen adalah berhak dapat pinjaman dari Kerajaan, (entitled to a Government car loan.)

Soal yang kedua ialah berapa banyakkah pinjaman itu? Ada disebutkan tadi \$8,000, iaitu jumlah (amount) yang akan ditimbangkan oleh Kerajaan. Saya ingin mengatakan di sini bahawa ini adalah khabar-khabar angin sahaja. Di sini jumlah (amount) tidaklah disebut oleh Kerajaan tetapi dari satu masa ke satu masa Kerajaan akan mengambil perhatian tentang jumlah (amount) yang menasabah, boleh jadi lebih daripada \$8,000 kalau keadaan mengizinkan. Sekiranya harga kereta turun maka boleh jadi pinjaman ini akan turun juga. Tetapi satu soal yang mesti diambil perhatian iaitu jumlah (amount) adalah bergantung kepada tempoh seorang Ahli dalam Parlimen iaitu di Dewan Rakyat tempohnya 5 tahun dan di sini selebih-lebihnya 6 tahun barangkali tempoh itu boleh direnewkan. Tempoh 6 tahun itu mestilah Kerajaan mengambil perhatian untuk membayar pinjaman ini. Kalau pinjaman \$20,000 atau \$30,000 Ahli-ahli barangkali menghadapi kesusahan untuk membayarnya. Ini hanyalah bergantung kepada budibicara Kerajaan dan saya suka menegaskan bahawa Kerajaan tidak dapat menetapkan jumlah (amount) tetapi jumlah (amount) mestilah menasabah.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ahmad bin Arshad juga memberi pandangan, adalah lebih baik jika Ahli-ahli Parlimen dapat pinjaman untuk membeli rumah. Ini satu soal yang lain. Dalam Jadual Undang-undang ini ada beberapa faedah yang diberikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat tetapi tidak ada faedah untuk mendapatkan pinjaman membeli rumah bagi Ahli-ahli Parlimen. Ini juga sebagaimana saya katakan tadi adalah berhubung dengan tempoh Ahli dalam Parlimen. Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa sekarang semua barang-barang sudah naik khususnya harga rumah. Kalau rumah yang sederhana pun sekarang harganya lebih kurang \$50,000. Perkara ini Kerajaan boleh menimbangkan kerana Ahli-ahli Yang Berhormat ada menyebutkan faedah ini.

Itulah sahaja yang dapat saya jawab kepada teguran-teguran Ahli-ahli Yang Berhormat. Lagi sekali saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikot peruntukan Seksyen 4 kepada Akta (Saraan Ahli-ahli) Parlimen, 1960, Dewan ini mengambil ketetapan bahawa pindaan yang berikut ini dibuat kepada Jadual Akta tersebut:

“Selepas sahaja butiran 4 di dalamnya tambah butiran 4A yang berikut:

“4A. Motor Car Loans: Members shall be entitled to a Government car loan at amount and rates to be fixed by the Government from time to time.”

AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI, 1960

Firearms (Increased Penalties) Act, 1971

4.10 *ptg.*

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Menurut peruntukan-peruntukan seksyen 83 Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, Majlis ini membuat ketetapan bahawa Jadual Kedua kepada Akta tersebut itu dipinda dengan menambah selepas sahaja butiran 10 butiran baru 11 yang berikut—

“11. Firearms (Increased Penalties) Act, 1971”

Adapun maksud usul ini ialah supaya peruntukan-peruntukan di bawah Seksyen 75 Akta Keselamatan Dalam Negeri, 1960 dipakai bagi kenyataan beringat-ingat (caution statement) yang diambil dalam masa siasatan polis mengenai kesalahan-kesalahan di bawah Akta Senjatapi (Penalti Lebih Berat), 1971 sebagaimana dipakai kepada Akta Senjata 1960 dan lain-lain Akta yang telahpun dimak-sudkan di bawah jadual tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Menurut peruntukan-peruntukan seksyen 83 Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, Majlis ini membuat ketetapan bahawa Jadual Kedua kepada Akta tersebut itu dipinda dengan menambah selepas sahaja butiran 10 butiran baru 11 yang berikut—

“11. Firearms (Increased Penalties) Act, 1971”

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1973, 1974 dan 1975)

Bacaan Kali Yang Kedua

4.13 *ptg.*

Tan Sri Chong Hon Nyan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1973, 1974 dan 1975) dibaca bagi kali kedua.

Rang Undang-undang ini meminta kebenaran bagi tiga Anggaran Tambahan iaitu Tambahan Keempat Tahun 1973, Tambahan Ketiga Tahun 1974 dan Anggaran Tambahan Pertama Tahun 1975.

Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Keempat Tahun 1973 telah diminta oleh agensi-agensinya yang berkenaan hanya selepas berakhirnya tahun kewangan 1973. Dalam

tahun-tahun tersebut agensi-agensi yang berkenaan sedang melaksanakan berbagai-bagai keputusan dasar mengenai perubahan-perubahan gaji seperti Laporan Sheikh Abdullah dan Laporan Aziz, masing-masing untuk kakitangan Angkatan Tentera dan guru-guru. Butiran-butiran ini melibatkan perbelanjaan yang besar yang mana pembayarannya telah dianggap oleh agensi-agensi yang berkenaan akan mendapat kelulusan Perbendaharaan. Keterangan-keterangan lanjut mengenai Tambahan ini boleh didapati dalam Memorandum Perbendaharaan yang dikemukakan sebagai Kertas Perintah DR. 12/75.

Perbelanjaan tambahan yang ditunjukkan dalam Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Ketiga Tahun 1974 berjumlah \$625,893,935. Ini termasuk \$89,491,172 yang tertanggung kepada Kumpulanwang Disatukan. Ini termasuk perbelanjaan bagi:

- (a) Elaun bantuan khas, bonus dan pencen.
- (b) Pilihanraya Umum Tahun 1974.
- (c) Rancangan Subsidi baja urea.
- (d) MARDI.
- (e) Kenaikan perbelanjaan atas perkhidmatan dan bekalan.
- (f) Sebahagian pembayaran untuk armoured vehicles.
- (g) Rancangan-rancangan buku-buku teks.
- (h) Pembayaran tunggakan dan gaji guru-guru Sabah.
- (i) Pemberian-pemberian berkanun kepada negeri-negeri.
- (j) Perkembangan perkhidmatan kesihatan dan rawatan pesakit; dan
- (k) Pembelian kertas mengenai perkakas alat tulis.

Tuan Yang di-Pertua, butir-butir tambahan bagi pelbagai perkhidmatan ini adalah diterangkan di dalam Memorandum Perbendaharaan yang dikemukakan sebagai Kertas Perintah DR. 14/75.

Anggaran Belanja Mengurus Tambahan Pertama Tahun 1975 menunjukkan perbelanjaan tambahan sebanyak \$279,849,257

yang melebihi peruntukan yang telah diluluskan dalam tahun 1975. Dari jumlah ini sebanyak \$24,887,070 adalah tertanggung kepada Kumpulanwang Disatukan. Perbelanjaan tambahan ini adalah dikehendaki untuk membiayai perbelanjaan-perbelanjaan berikutan:

- (a) Tunggakan dan gaji kakitangan, berikutan dengan pelaksanaan Laporan Harun.
- (b) Bonus dan elaun Bantuan Khas.
- (c) Kenaikan harga barang-barang dan perkhidmatan.
- (d) Sebahagian pembayaran kapal terbang, kapal dan kelengkapan untuk Angkatan Tentera.
- (e) Lembaga Pertubuhan Peladang.
- (f) Rancangan Buku-buku Teks.
- (g) Rancangan untuk menstabilkan harga getah.
- (h) Gerakan keselamatan di Sarawak.
- (i) Pembelian kertas dan lain-lain perkakas alat tulis, dan
- (j) Elaun kerja luar kakitangan di Jabatan Ukur.

Keterangan-keterangan lanjut mengenai Tambahan ini boleh didapati dalam Memorandum Perbendaharaan yang dikemukakan sebagai Kertas Perintah DR. 16/75.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

4.18 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Haji Yaacob: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang-undang ini dan memberi pandangan saya. Apa yang saya harap pada masa-masa yang akan datang, pegawai-pegawai Kerajaan yang bertanggungjawab membuat estimate yang dihantar kepada Kementerian Kewangan untuk dibawa ke persidangan Dewan Rakyat dan persidangan Senate cubalah jangan ada supplementary, kerana saya juga sudah bekerja dengan British Army selama 27 tahun dan kami tiap-tiap tahun membuat estimate tidak pernah ada supplementary expenditure. Apa yang kami kemukakan pada tahun itu, itulah belanja yang diluluskan oleh Kementerian

Kewangan di London. Jika ada tambahan seperti gaji-gaji pekerja naik dan lain-lain, maka pekerja-pekerja terpaksa menunggu kelulusan estimate bagi tahun hadapan dan barulah bayaran kenaikan gaji itu dibayar, begitulah seterusnya.

Seperti Bil ini kita terpaksa meluluskan belanja-belanja tambahan pada tahun 1973, 1974 dan 1975 yang tidak patut dibangkitkan lagi. Tetapi oleh sebab pegawai-pegawai yang membuat estimate pada tahun 1972, 1973 dan 1974 tidak betul, maka terpaksalah dibawa ke Dewan untuk diluluskan. Tuan Yang di-Pertua di dalam Bil ini ada dua perkara yang saya hendak sentuh.

Pertama, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan di Jadual Pertama B. 28. Apa yang saya harap baru dua hari yang lepas anak saudara saya telah mati di Hospital Besar, Kuala Lumpur dan semasa beliau sedang sakit tenat menunggu ajalnya beberapa orang jururawat-jururawat Melayu ada di sebelahnya, tetapi tidak seorang pun yang tahu hukum Ugama Islam dan adat istiadat Melayu, sepatutnya jururawat-jururawat itu mengajar anak saudara saya itu menyuruh beliau mengucap dua kalimah syahadat sebelum beliau menghembuskan nafas yang akhir, kerana ini boleh menolong dia di akhirat. Ini harapan saya bila-bila sahaja orang-orang Melayu yang sakit tenat menunggu ajalnya tolong suruh jururawat-jururawat Melayu yang beragama Islam berbuat sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, pandangan saya yang kedua iaitu yang akhir saya masuk kepada Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar iaitu Kepala B. 17 dalam Jadual Ketiga. Saya suka mendapat tahu dari Kementerian yang berkenaan bilakah Undang-undang Syarikat Kerjasama dipinda yang meminta tiap-tiap syarikat kerjasama membayar Income Tax sebanyak 45% dari keuntungannya. Jikalau jawapannya sudah, maka saya merayu kepada Kementerian yang berkenaan supaya menarik balik pindaan itu. Saya suka menerangkan iaitu jikalau syarikat-syarikat kerjasama dikenakan bayaran Income Tax 45%, saya percaya banyak syarikat-syarikat kerjasama yang akan ditutup. Saya ada mempunyai Syarikat Kerjasama Serbaguna yang dipanggil Agricultural Industrial Development Multi-Purpose Co-operative Society Limited dan pejabatnya di Petaling Jaya bagi Commonwealth Forces employees. Saya tubuhkan

pada tahun 1968 dan kami telah diberi pinjaman oleh Kementerian Kewangan sendiri \$1 juta untuk membeli ladang getah di Semenyih dan \$1 juta dari Public Finance untuk mendirikan enam tingkat bangunan di Petaling Jaya. Hutang kami yang dua juta ringgit itu masih ada lagi kepada Treasury sebanyak \$800,000 dan kepada Public Finance sebanyak \$800,000 termasuk faedah, dan disebabkan faedahnya mahal maka baki lagi sebanyak \$2 juta.

Mengikut pindaan baru ini Income Tax mesti dibayar 45% dari keuntungan, 25% untuk simpanan mengikut Co-operative Ordinance, tinggal 30% lagi untuk membayar gaji pekerja-pekerja dan perbelanjaan syarikat, bayar dividend kepada ahli-ahli saham dan membayar hutang yang berjumlah 2 million itu. Apakah yang tinggal lagi, dan tidak ada guna menjalankan syarikat kerjasama kerana buat penat sahaja. Syarikat saya disuruh membayar Income Tax dari tahun 1970 hingga tahun 1975 beribu-ribu ringgit. Saya sudah merayu kepada Income Tax Department dengan memberitahu kami masih berhutang lagi pada Treasury dan Public Finance tetapi tidak ada menerima layanan.

Akhirnya, saya merayulah kepada Kementerian yang berkenaan akan menyiasat mengapa Syarikat Kerjasama Serbaguna kena bayar Income Tax walhal kami masih berhutang.

Tuan Yang di-Pertua, inilah pandangan saya terhadap Bil ini dan saya menyokong untuk diluluskan.

4.24 ptg.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini yang memohon supaya diberikan peruntukan perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1973, 1974 dan 1975. Seperti sahabat saya telah menerangkan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa tambahan peruntukan ini membayangkan kepada kita dua aspek.

Aspek yang pertama menunjukkan bahawa kita telah membelanjakan wang kerana kepentingan negara dan kepentingan kemajuan negara kita ini serta untuk hendak memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat di negara ini. Oleh kerana itu, perbelanjaan diperlukan dengan lebih banyak.

Aspek yang kedua, saya nampak betapa tidak efficient pegawai-pegawai kita tentang membuat estimate pada tiap-tiap tahun dan tentulah kita dapat menjangka apa yang akan berlaku bagi tiap-tiap tahun itu yang sepatutnya telah dapat dimasukkan di dalam estimate pada tiap-tiap tahun dengan tidak perlu membuat sebarang tambahan dan tambahan perbelanjaan seperti sekarang ini.

Kedua-dua aspek yang saya sebutkan ini membayangkan kepada kita bahawa kita perlu kepada penelitian dan pengalaman yang lebih tinggi di dalam menaksirkan, membentuk perbelanjaan kita bagi tiap-tiap tahun. Saya rasa bagi tahun ini pun kita akan mengemukakan tambahan perbelanjaan pada tahun hadapan oleh kerana tambahan yang diperlukan oleh sebab perjalanan atau perkembangan yang terpaksa kita hadapi dengan kenaikan gaji, membeli barang-barang baru dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau perkara ini berlanjutan pada tiap-tiap tahun dan pengalaman yang ada pada saya selama 15 tahun menjadi Ahli Parlimen ini, saya nampak bahawa inilah yang berlaku selalu dan saya rasa Kementerian ini patut membuat satu penelitian dan pengkajian yang sedalam-dalamnya dengan tidak mengadakan pengkajian ini, kita selalu terpaksa kembali ke dalam Dewan ini meminta dan meluluskan, tiap-tiap kali kita minta dan tiap-tiap kali kita hendak meluluskan kita terpaksa memahaminya dan mengulang kaji.

Tuan Yang di-Pertua, jangka panjang negara kita ini ialah untuk melahirkan sebuah negara yang makmur dan hendak melahirkan sebuah negara di mana rakyat di dalam negara ini mendapat peruntukan rezeki dan pembahagian yang halal mengikut kekuatan tenaga dan fikiran yang ada kepada setiap warganegara ini. Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, rancangan-ancangan yang kita buat sekarang ini mungkin kita tidak meninjau beberapa tahun ke hadapan dan kita tidak memikirkan apakah yang berlaku pada tahun 1990 misalnya. Apakah yang akan berlaku pada tahun 2000 dengan rancangan yang kita buat sekarang. Sebagai suatu contoh betapa rancangan kita ini tidak memikirkan rancangan jangka panjang, misalnya, waktu kita membuat satu bandar baru di pinggir Kuala Lumpur ini yang kita namakan Petaling Jaya 20 tahun dahulu. Akitik-akitek ataupun consultants yang telah kita undang

dari luar negeri atau di dalam negeri tidak memandang 20 tahun ke hadapan atau 30 tahun ke hadapan apakah akan berlaku di Petaling Jaya, maka dibuatlah pelan Petaling Jaya itu mengikut keadaan masa itu. Akibatnya 20 tahun kemudian sesudah itu kita terpaksa membelanjakan wang yang berjuta-juta yang lebih daripada sepatutnya oleh kerana kita terpaksa mengubah jalan, membuat pelan yang baru (Pelan Induk) yang terpaksa mengambil consultant dari luar negeri dan consultant dari luar negeri itu tidak langsung berkait dengan kemajuan yang kita capai, tetapi dia hanya memerlukan kepentingan dia sebagai consultant. Ini satu contoh, Tuan Yang di-Pertua, yang wang kita telah hilang, membazirkan begitu sahaja dengan tidak mendatangkan kesan yang lebih efektif kepada penghidupan kita 20 tahun akan datang.

Begitulah halnya, Tuan Yang di-Pertua, rancangan-rancangan yang kita sedang buat sekarang. Sebagai contoh lagi FELDA rancangan pembukaan tanah. Pada masa sekarang kita sedang bercadang hendak membuka tanah beratus-ratus ribu ekar, berjuta-juta ekar dengan tidak kita fikirkan apakah akibatnya negara kita ini 50 tahun yang akan datang. Kalau sekiranya berlanjutan kita membuka tanah, berlanjutan tiap-tiap tahun Rancangan Malaysia Yang Kedua sekian ribu, sekian juta ekar tanah, Rancangan Malaysia Yang Ketiga berjuta ekar tanahnya, akhirnya 50 tahun yang akan datang atau 100 tahun akan datang kita akan kekurangan tanah, tanah tidak ada. Sedangkan bangsa Malaysia ini akan bertumbuh 3% pada tiap-tiap tahun. Maknanya, pada masa 100 tahun yang akan datang ataupun pada tahun 2000, katakanlah, maka pertumbuhan kadar penduduk di Malaysia ini akan lebih dan kelebihan itu memerlukan tempat tinggal, memerlukan makanan, memerlukan sekolah, memerlukan pakaian dan sebagainya dan akibat ini akan dirasakan oleh orang yang terkemudian, jenerasi kita di belakang dan kita sekarang ini hanya memikirkan apa yang patut kita buat sekarang dan kita tidak memikirkan apa yang harus mereka hadapi pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita menggalakkan pembukaan tanah yang begitu luas sehingga setiap orang yang tidak mempunyai tanah kita berikan, masalah seseorang yang tidak mempunyai tanah akan dapat juga diatasi. Masalah di negara kita mengatakan

ada orang yang tidak mempunyai tanah, ada orang yang tidak mempunyai tempat tidak dapat diatasi. Oleh sebab manusia yang seorang ini akan menjadi dua orang, dua akan menjadi tiga, seribu akan menjadi dua ribu, sejuta akan menjadi dua juta dan sebagainya. Jadi, kekurangan itu sentiasa ada. Oleh kerana itu, Kerajaan harus memikirkan bukan sahaja dari sudut pembukaan tanah sehingga rakyat diberikan tanah secara ekonomik, katakan, 10 ekar seorang, tetapi pada saat yang akan datang mungkin yang 10 ekar itu terlalu membazir dan terpaksa kita membuat satu dasar tanah, apa yang disebutkan di negara-negara yang maju seperti di negara-negara sosialis sebagai land reform.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditempokkan selama 15 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 4.33 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 4.55 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN TAMBAHAN (1973, 1974 dan 1975)

Perbahasan disambung semula.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, perbahasan atas Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan ini hendaklah dihadkan kepada dasar-dasar am dan pentadbiran Kerajaan seperti yang dinyatakan dalam peruntukan Tambahan yang dimaksudkan dalam Rang Undang-undang ini dan dalam Anggaran Tambahan yang berkaitan serta Memorandum-memorandum Perbendaharaan dan yang berhubung dengan nya. Untuk menentukan perbahasan ini adalah berkaitan dengan perkara-perkara yang dikehendaki maka saya minta Ahli-ahli Yang Berhormat apabila bangun berucap, sila nyatakan butir-butir yang hendak disentuh dalam Rang Undang-undang ini dan juga dalam Anggaran Tambahan. Sila ambil perhatian.

4.58 ptg.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung ucapan saya sebentar tadi berkenaan dengan cara

kita hendak membetulkan ataupun kita hendak membuat satu rancangan ekonomi kita. Pada pendapat saya seperti yang menjadi dasar Kerajaan kita sekarang ini iaitu hendak memberikan tanah kepada orang yang tidak mempunyai tanah. Kita berikan, umpamanya, kepada peserta rancangan FELDA dengan tidak memikirkan apakah implikasi yang hendak kita hadapi dan kita terima berpuluh tahun kemudian daripada itu, manakala kita telah kekeringan tanah dan rakyat kita masih bertambah, maka sewaktu itu masalah kekurangan tanah akan timbul juga dan masalah rancangan yang dibuat sekarang ini tidak akan dapat mengatasi perkara-perkara yang sulit. Oleh kerana itu, Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada masalah-masalah yang saya sebutkan tadi pada masa yang akan datang dan pada masa itu nanti akan timbul suatu ikhtiar untuk mengkaji semula cara-cara yang telah kita lakukan beberapa tahun yang lalu dan akibatnya kita akan membuat suatu perubahan yang lain.

Di dalam Jabatan Perdana Menteri, kita mempunyai Jabatan Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi. Bagi Jabatan itu saya rasa patut memikirkan bukan hanya untuk 5 tahun Rancangan Malaysia, tetapi untuk memikirkan berpuluh-puluh tahun nasib bangsa Malaysia ini di masa yang akan datang. Kalau tanah tadi misalnya kehabisan dan ada orang yang tidak mempunyai tanah kemudiannya, maka masalah sosial akan timbul dan anasir-anasir yang sekarang ini kita tentang, kita anggap sebagai satu anasir yang akan mengkuar-kacirkan masyarakat kita akan dapat menyeludup masuk ke dalam negara kita dan kepada rakyat kita dengan sistem ekonomi mereka yang sekira-kira pada saat itu dapat diterima oleh bangsa kita kemudiannya.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan soal-soal yang seperti inilah Jabatan Perancangan Am dan Penyelidikan Sosio-Ekonomi ini memandangkan lebih ke hadapan dan memikirkan masalah-masalah yang akan timbul di belakang kita ini. Dalam soal kita hendak menggalakkan bumiputra mengambil bahagian di dalam sektor perusahaan dan sebagainya seperti yang dirancangkan itu, pada faham saya ini satu jalan yang baik untuk menyalurkan sebahagian daripada warganegara kita ini kepada sektor yang lain, tidak hanya menumpu kepada pertanian sahaja tetapi menumpu kepada perindustrian

yang boleh menampung keperluan negara dan juga menampung penghidupan rakyat kita pada masa yang akan datang. Bumiputra merupakan satu golongan manusia yang baru mencampurkan dirinya di dalam bidang ini. Bila dia cuba mencampurkan dirinya dalam bidang yang seperti ini dia dengan sendirinya berhadapan dengan jaguh-jaguh yang telah lama berpengalaman daripada dia, oleh kerana itu Kerajaan patut memberikan perlindungan (protection) kepada bumiputra ini. Tetapi sejauh manakah protection ini dapat diberikan sehingga mereka tidak frust di dalam usahanya, sehingga mereka tidak menganggap bahawa protection yang dijanjikan itu hanya indah khabar dari rupa, dan kadang-kadangkala beradudumba di antara satu golongan dengan golongan yang lain, itu berjalan dengan menggunakan bumiputra di satu pihak dan juga bumiputra di pihak yang lain, tetapi yang sebenarnya, mereka hanya menjadi bayang-bayang sahaja di dalam perindustrian itu yang akan membunuh di antara satu dengan lain yang akibatnya protection Kerajaan terhadap perindustrian tidak akan dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah menyentuh berkenaan dengan masaalah-masaalah kemajuan tanah dan masaalah-masaalah rancangan am dan penyelidikan sosio-ekonomi yang harus dilaksanakan dan juga penyertaan bumiputra dalam bidang-bidang perindustrian, tetapi banyak kesulitan-kesulitan yang timbul daripada penyertaan bumiputra di dalam bidang-bidang yang seperti ini. Saya harap rancangan am dan penyelidikan sosio-ekonomi ini akan dapat menyelidiki sejauh manakah mereka telah tertekan atau terselamat daripada perlumbaan yang mereka baharu mencampurkan diri dalamnya supaya hasil daripada penyelidikan ini akan dapat memberikan sokongan dan bantuan pengajaran yang berkesan kepada penyertaan mereka di dalam bidang-bidang yang baru mereka campur itu. Saya yakin dan saya percaya rancangan Kerajaan dan peruntukan-peruntukan yang diminta ini adalah peruntukan-peruntukan yang pada umumnya adalah untuk kepentingan rakyat dan kepentingan negara sendiri, tetapi seperti yang saya katakan tadi sepatutnya dengan adanya rancangan yang tersedia ada pada awalnya tidak akan melibatkan peruntukan ini ditambah dari satu masa ke satu masa. Saya

harap dengan tambahan ini akan lebih banyak mendatangkan perubahan-perubahan kepada sosio-ekonomi kita sendiri dan dengan demikian akan dapat kita temui kehendak ataupun jangkaan yang kita tuju di dalam Dasar Ekonomi Baru kita.

Tuan Yang di-Pertua, di samping kita hendak memperbaiki kedudukan sosio-ekonomi kita di negara kita ini satu golongan rakyat di negara kita ini yang harus tidak ditinggalkan oleh Kerajaan iaitu Jabatan Orang-orang Asli ataupun Orang-orang Asli sendiri. Kedudukan Orang-orang Asli sekarang bolehlah kita katakan sudah mulai berubah tetapi perubahan mereka terlalu lambat, mungkin oleh kerana tradisi yang mereka lakukan ataupun adat-istiadat yang mereka punyai menyebabkan mereka terlambat, tetapi ini tidak semestinya kita membiarkan Jabatan ini berjalan dengan sendirinya dengan tidak memberikan program ataupun rancangan-rancangan yang boleh meninggikan taraf hidup Orang-orang Asli di negara kita yang jumlahnya tidak terlalu banyak. Kalau mereka itu dapat kita orientasikan, dapat kita betulkan fikiran dan pandangan mereka ini, saya rasa rakyat yang tercir ini akan dapat memberikan menafaat yang banyak kepada keturunan mereka di masa yang akan datang. Kekurangan-kekurangan pegawai mungkin ada dan oleh kerana itu Kerajaan harus menambah pegawai-pegawai yang perlu. Sebagai contoh, sejak saya jadi Ahli di Dewan Rakyat lagi dahulu sampai saya di Dewan Negara ini saya selalu mengemukakan masalah tanah yang tidak bergeran, tanah yang diberikan titlanya T.O.L. atau A.A. sahaja, kebanyakannya T.O.L., sampai saat sekarang ini walaupun di dalam prosesnya hendak dikeluarkan geran tetapi "hendaknya" itu memakan masa bertahun-tahun.

Sebagai contoh, Tuan Yang di-Pertua, bekas kawasan saya di Hilir Perak. Di kawasan itu ada penanaman padi yang berbelas ribu ekar di situ. Kalau bendang parit yang di sebelah "L"nya tak ada geran, yang sebelah "R"nya ada geran sedangkan tanah ini sama-sama diteroka, bukan satu-dua tahun—berpuluh tahun, tetapi yang sebelah kiri, sebahagian di Labuk Kubong itu tidak mempunyai geran, yang sebelah sini ada mempunyai geran. Saya pernah bertanya kepada Yang Berhormat Menteri dahulu, jawabnya, sedang di dalam proses hendak mengeluarkan geran, tetapi sekarang

ini proses itu terlalu lambat, macam semut berjalan, tak sesuai dengan kehendak ekonomi kita yang kita kejar sekarang. Kita hendak memperkenalkan kepada kaum tani kita ini tenaga-tenaga mesin boleh mengganti tenaga manusia, tetapi seorang kaum tani yang mempunyai tanah 6 ekar dengan tak mempunyai geran apakah yang boleh dibuatnya selain daripada tenaga tulang empat kerat, tetapi kalau dikeluarkan geran tanah itu, maka si petani ini bolehlah menggadaikan atau mencagarkan tanahnya kepada bank-bank yang boleh menolongnya seperti Bank Pertanian atau sebagainya untuk membeli jentera-jentera yang meringankan beban dan bolehlah dia mengikuti rancangan Kerajaan menanam dua kali atau tiga kali setahun, tetapi sekarang sebahagian besar daripada mereka di Labuk Kubong itu masih belum mempunyai geran. Bila ditanya: Kenapa hal ini berlaku? Katanya: Kekurangan pegawai-pegawai.

Saya mencadangkan supaya Kementerian ini mengumpulkan pegawai-pegawai ukor di seluruh negeri Perak misalnya, dan diberikan satu tugas kepada mereka itu supaya mereka menyelesaikannya dalam tempoh 6 bulan. Saya rasa kalau mereka ini menumpukan tenaga yang banyak itu ke satu daerah dalam tempoh 4—6 bulan maka perkara ini mestilah dapat diselesaikan, tetapi kalau sekiranya diserahkan kepada Datuk Penghulu seorang, Tuan Pegawai Daerah atau Penolongnya, yang Pegawai Daerah ini kerjanya 8 kali mesyuarat dalam seminggu, mesyuarat ini, mesyuarat itu, pagi bermesyuarat dan petang bermesyuarat sehingga 15 kali seminggu pun ada mesyuaratnya, bilakah masanya pegawai ini dapat berkhidmat untuk menyelesaikan masalah yang seperti ini. Ketua Jabatan, Kementerian atau Kerajaan harus menimbangkan masalah ini lebih serious. Mungkin agaknya di tempat-tempat lain juga berlaku seumpama ini, misalnya, di Kuala Lumpur ini berapa banyak tanah yang ada? Mula-mula tanah itu tanah haram, kemudian diberikan T.O.L. kepada orang-orang itu. Berpuluh-puluh tahun dan berbelas-belas

tahun tinggal di atas tanah T.O.L. yang tidak tahu ke mana hujung pangkalnya. Masuk paip tidak boleh, masuk letrik tidak boleh, jalan tidak boleh dibuat. Orang itu dekat dalam Bandar Kuala Lumpur ini, apa salahnya Jabatan ini menumpukan kerjanya menyelesaikan masalah ini dan sekali gus dalam masa, katakanlah, enam bulan supaya dapat diatasi masalah-masalah yang rumit bagi mereka.

Di Kuala Lumpur ini kalau sekiranya kita ada sebidang tanah 80 x 90 kaki atau 60 x 95 kaki sudah cukup untuk mereka yang mempunyai tanah yang seluas itu hidup di dalam bandar Kuala Lumpur. Tetapi kalau geran atau haknya tidak ada apakah yang akan dibuat oleh seseorang yang duduk cara demikian? Begitulah juga petani-petani yang kita minta mereka itu melipatgandakan hasil makanan. Jabatan Pertanian kita mengusahakan bagaimana hendak tanam padi daripada satu ekar 400 gantang kepada 4,000 gantang sampai botak kepala memikirkannya. Tetapi bila si petani yang menerima ini dan dia terpaksa menggunakannya dengan mesin atau jentera, dia tidak ada duit dan dia terpaksa menggadaikan tanahnya dan tanahnya pula tanah T.O.L. Saya rasa rancangan-rancangan haruslah dijalankan dengan efficient yang mungkin memberi kesan. Janganlah perkara yang seperti ini diulang-ulang dibahaskan di Dewan Rakyat dan Dewan Negara dan jawapannya hanya serupa kerana kekurangan kakitangan dan dalam perhatian Kerajaan. Ini sudah cukup bagi kita dari pengalaman-pengalaman yang lalu di mana kita selalu dapat jawapan yang seperti itu.

Bagi kita sekarang ini, terutama sekali Ahli-ahli Dewan yang mulia ini tidak ada satu kepentingan yang hendak mereka rebutkan, tidak ada kawasan, tidak ada hendak menghadapi pilihanraya, tidak ada kita hendak menyebut: Ah! Orang ini kata: wakil dia bercakap dalam Dewan atau tidak. Tetapi kami bercakap di sini ialah bagi pihak rakyat yang selalu menanggung dan meratap, menjumpai kami atas masalah-masalah mereka, yang sekalipun para Menteri menganggap ini kecil, tetapi oleh rakyat menganggap ini terlalu besar, di situlah terletak hidup dan mati mereka. Saya harap Kerajaan dan juga Kementerian Kewangan janganlah terlalu kedekut sangat menambah pegawai-pegawainya kalau perlu,

menambah orang-orang kalau perlu, jangan terlalu kedekut sebab biasanya taukeh itu memang kedekut sedikit. Kalau hendak beri kepada buruh \$40 sebulan susah biasanya. Begitulah kepada Perbendaharaan kita. Saya harap Perbendaharaan kita tidak terlalu kedekut menengokkan sangat benda yang macam ini tetapi bila masuk dalam laut yang tidak berguna itu didiamkan begitu sahaja. Jadi, saya harap perkara ini biarlah perkara yang serious yang mesti diselesaikan dengan seberapa segera yang mungkin.

Satu lagi perkara yang saya rasa penting diambil perhatian oleh Kerajaan ialah soal hospital untuk kesihatan rakyat. Saya telah bercakap dengan Yang Berhormat Menteri Kesihatan, saya kata hospital Tan Sri adalah hospital yang terbesar di dunia. Dia kata: Ya, it is the biggest hospital in the world. Tidak ada yang macam ini dalam dunia. Hampir-hampir 2,000 beds, di negeri lain tidak ada, cuma katanya di San Francisco sahaja ada. Tetapi cuba kita fikir sekarang ini kita bergemah dengan sebuah hospital di Kuala Lumpur ini iaitu General Hospital yang begitu ramai, indah, cantik dan besar. Tidakkah terfikir ada kesulitan yang akan timbul sesudah daripada itu? Pertamanya soal pentadbiran (administration), soal doktor, soal layanan, soal parking kereta. Kalau sudah 4,000 bed, kalau orang hendak pergi melawat di situ maka mesti 4,000 buah kereta diletakkan di kawasan hospital di mana hendak letak kereta? Kalau negara kita sudah begini makmur orang mempunyai motokar sekurang-kurangnya Toyota, maka di mana hendak letak kereta itu? Maka timbul masalah. Saya mengemukakan dahulu apa salahnya di Kuala Lumpur ini Kerajaan bahagi-bahagikan: Hospital Utara, Hospital Selatan, Hospital Timur dan Hospital Barat supaya orang utara pergi ke hospital di situ, selatan ke sini dan sebagainya supaya memudahkan rakyat itu pergi mendapatkan rawatan. Sekalipun sekarang ada kelinik-kelinik seperti Pusat-pusat Kesihatan, tetapi Pusat-pusat Kesihatan ini tidak dapat menampung, tidak cukup alat, tidak merupakan hospital yang rakyat boleh duduk di situ. Kita bergemah dengan hospital kita sekarang di Kuala Lumpur tetapi bagaimana seorang yang sakit di Cheras kerana dilanggar oleh motokar, bagaimana dapat kita menyelamatkan nyawanya untuk sampai ke hospital dengan jalan yang seperti sekarang, dengan kereta yang seperti sekarang, dengan traffic

yang sebok (heavy). Jadi, orang ini akan mati di tengah jalan. Maka wujudnya hospital yang begitu indah tidak dapat menyelamatkan nyawa seorang rakyat yang memerlukan pertolongan hospital. Tidak tahulah saya benda ini sedang berlaku sekarang. Tetapi adakah di dalam Perancangan Am dan Penyelidikan bagi Sosio-ekonomi ini termasuk memikirkan masalah yang seperti ini.

Dalam Dewan ini dahulu saya pernah bercakap bukan sahaja mengenai hospital, tetapi tentang bomba (fire brigade). Fire Brigade kita sekarang ini terlalu terbatas dan beberapa minggu yang lalu di pejabat saya, Ibu Pejabat UMNO berlaku suatu kemalangan. Beberapa orang anak-anak, sebab kami di Ibu Pejabat-pejabat itu ada library di atasnya, maka anak-anak sekolah inipun pergilah membaca buku di Tingkat Tiga. Maklumlah anak-anak, dia masuk lip beramai-ramai. Apabila sampai di atas lip itu telah jam. Ke atas tidak boleh dan ke bawah pun tidak boleh, jam, berhenti. Kami telah memanggil Fire Brigade bukannya hendak mengubati orang sakit, tidak; menolong budak-budak yang hampir satu jam duduk di dalam lip. Fire Brigade ini datangnya daripada Jalan Shaw dan Jalan Maxwell dan hanya sampai di sana hampir-hampir satu jam. Jaraknya tidak jauh, sebab traffic, bukan kerana orang bomba itu, dia berlari pun boleh, tetapi oleh kerana traffic jam. Kalaulah berlaku sesuatu yang membahayakan kepada sembilan orang anak-anak yang di dalam lip itu, maka 9 orang anak-anak akan mati dengan tidak mendapat sebarang pertolongan.

Kita mesti memikirkan kesenangan, kedudukan rakyat kita pada masa yang akan datang supaya tidak berlaku tuduhan yang mengatakan orang ini melepaskan batuk di tangga sahaja. Betul ini baik dan bagus tetapi bila digunakan atau diimplimentasikan atau dilaksanakan dia merupakan suatu yang menyedihkan. Oleh kerana itu pada umumnya ucapan saya ini di dalam tambahan-tambahan keseluruhannya, saya minta Timbalan Menteri Kewangan memikirkan juga masalah tambahan ini dengan menambah pegawai-pegawai dan kakitangan serta merancang perkara-perkara yang penting, yang tidak akan menyusahkan rakyat pada akhirnya, tetapi memberi pertolongan yang berguna kepada rakyat. Dengan demikian, usaha kita akan mendapat faedah yang paling baik.

Demikian, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

5.19 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak:

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini. Saya menyokong dan hendak bercakap berkenaan dasar-dasar am sahaja. Saya menyokong oleh kerana saya tahu iaitu wang-wang ini dikehendaki oleh kerana inflasi yang tidak kita tahu daripada tahun 1974-1975. Inflasi telah berganda-ganda. Dengan sebab itu saya percaya Kerajaan ataupun Pejabat-pejabat Kerajaan meminta peruntukkan wang-wang ini lebih banyak lagi. Kalau sekiranya membuat sebuah rumah berharga \$500 di waktu sekarang terpaksa membayar \$10,000.

Dengan sebab itu, ongkos atau perbelanjaan barang-barang ini sudah mahal dan juga di dalam pejabat-pejabat ramai pegawai-pegawai berkehendakkan gaji yang lebih ataupun buruh-buruh berkehendakkan gaji yang lebih, maka sebab itulah Kerajaan telah menimbang dan membayar kepada mereka ini, tentulah berkehendakkan wang yang lebih banyak lagi.

Di sini saya hendak bercakap berkenaan dengan dasar am iaitu dasar Kerajaan. Dasar Kerajaan kita pada hari ini dan pada hari yang akan datang adalah untuk mengikis habis-habis kemiskinan dalam negara kita, tidak peduli dia kulit hitam, kulit putih, kulit macam saya ini—Melayu dan juga kulit kuning. Semestinya sebagai warganegara negeri ini, tiap-tiap warganegara itu mesti mempunyai tempat tinggal. Dasar Kerajaan ini hendaklah dijalankan. Ada pakaian untuk dia dan anak-anaknya, dapat dia makan tiap-tiap hari, dapat dia menghantar anak-anaknya ke sekolah, tidak payah pakai kereta besar, naik basikal pun tidak apa tetapi kehidupan rakyat mestilah dijaga. Ini dikehendaki oleh Kerajaan kita pada hari ini dan tugas pegawai-pegawai Kerajaan adalah untuk menengokkan dan juga wang-wang Kerajaan mestilah dibelanjakan dengan jimat-cermat. Pada hari ini cuba kita tengok, kita buat mahligai sebesar ini—Dewan ini hingga besar belanjanya, saya ingat pada masa dahulu berjuta-juta ringgit, pada hari ini, tengok, depan saya ini bocor. Rumah begini yang saya jangka boleh kita pakai sehingga 100 tahun, tidak bocor, ini bocor,

macammana perbuatan membazir begini. Ini adalah tanggungjawab pegawai ataupun pejabat-pejabat yang bertanggungjawab.

Yang Amat Berhormat Datuk Hussein Onn telah berkata tidak peduli buaya, tidak peduli kancil, kalau dia kancil pun dia akan ditangkap, buaya pun dicekik, kalau ada yang menyeleweng maka orang itu akan dibawa ke mana-mana sahaja. Dengan sebab itu, saya harap kepada Kerajaan iaitu apabila perbelanjaan ini diluluskan, maka hendaklah dipakai dengan cermat supaya jangan membazir macamana yang saya akan contohkan lagi satu iaitu di Lapangan Terbang di Kuala Lumpur. Tengok sahaja tak berapa bulan digunakan bangunan Subang Airport sudah bocor. Dengan hal yang demikian, maka rakyat telah bertanya, apa sebabnya pakar-pakar kita yang begitu pandai, bukan sahaja pakar daripada dalam negeri tetapi pakar dari luar negeri dipanggil untuk membuat airport, tetapi tidak berapa lama dipakai telahpun bocor. Ini juga menjadi satu tomah daripada rakyat.

Selain daripada itu, kita juga menengok contoh-contohnya supaya jangan berlaku kejadian pada masa akan datang. Sepatutnya bas yang kita beli di Subang Airport itu, bukan bas itu sebagai bas tumpangan macam bas jalanraya daripada Kuala Lumpur pergi ke Petaling Jaya yang patut kita beli. Pegawai yang bertanggungjawab, baik MAS atau siapa pun, sepatutnya bukan membeli bas itu, bas yang cuma boleh memuatkan 45 orang sahaja. Tangganya bukan main tinggi sekali. Pegawai-pegawai ini barangkali telah melawat ke lain-lain negeri, tak usah jauh pergi ke Singapura sahaja tengok bas di sana rendah, panjang, elok tetapi kita membeli bas, bas Petaling Jaya ke Kuala Lumpur sampai \$80,000 harganya satu bas, pada hari ini kita tengok tidak boleh dipakai langsung. Ini satu perkara apabila hendak membeli terpaksa jugalah Kementerian-kementerian yang bertanggungjawab menengok apa yang patut hendak dibeli bukan hendak beli sahaja bas, beli kapal terbang, oleh kerana ada ejen-ejen entah siapa berkata ini yang baik sekali, beli itu. Itu yang kita amalkan daripada dahulu, Tuan Yang di-Pertua. Ini tidak patut kita amalkan lagi. Rakyat pada hari ini telah celik. Rakyat telah pandang apa yang kita telah buat pada masa-masa yang lampau.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi ialah berkenaan dengan pelajaran. Ini adalah penting kepada rakyat walau apa bangsanya

sekalipun iaitu pelajaran adalah penting. Dengan adanya wang yang diperuntukkan maka pelajaran anak-anak kita mesti kita beri dengan secukup-cukupnya. Jika, ada pemikiran kita mengatakan jikalau rakyat Malaysia pandai, maka dia akan memberontak terhadap Kerajaan, kalau ada perkara ini mestilah disingkirkan daripada otak kita. Di negeri-negeri yang maju, seperti negeri Jepun, Jerman dan England tukang sapu pun berkelulusan universiti, tukang mengambil air di hotel-hotel pun lulus universiti. Tetapi ada di antara kita memikirkan kalau misalnya semuanya pandai bagaimana akan jadi kepada negeri kita, tentulah agaknya berkecamuk kerana orang sudah pandai, tentulah nanti memberontak dan sebagainya. Kalau ada pemikiran begini mestilah dihapuskan. Dan jika rakyat Malaysia ini pandai maka tentulah negeri kita lebih maju daripada yang ada pada hari ini.

Berkenaan dengan pertahanan, Tuan Yang di-Pertua. Pertahanan kita pada hari ini, saya fikir mestilah diperkuatkan lagi. Oleh kerana jika kita tidak kuatkan pertahanan kita maka pada hari ini kita telah tengok bagaimana kejadian di Vietnam, di Laos dan Kemboja. Pada hari ini juga, kominis telah-pun meresap ke dalam parti-parti dan pertumbuhan-pertumbuhan kita, kita tidak tahu. Kominis tak dapat hendak kita hapuskan, dan tak dapat kita tahu. Kita fikir ianya kawan tetapi sebetulnya mereka ini ada di kalangan kita. Mereka ini akan melagakan kita di antara kita. Mereka ini akan buat huru-hara antara kita dengan kita. Sesudah itu bila sudah huru-hara antara kita dengan kita, baharulah mereka itu dapat memerintah negeri ini. Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, kita terpaksa mempertahankan diri kita dan kita terpaksa mempunyai senjata-senjata yang lebih moden, senjata-senjata yang lebih banyak lagi disamping membanyakkan orang-orang untuk mempertahankan negara kita. Jadi, sekiranya pertahanan kita tidak kukuh, saya yakin dan percaya apa yang telah terjadi di negara-negara yang lain akan terjadi juga di negara ini walaupun apa yang kita katakan.

Selain daripada itu, saya juga hendak menyentuh sedikit sebanyak berkenaan dengan hospital. Menteri Kesihatan ada di sini dan saya nampak beliau sihat betul.

Saudara saya telah berkata berkenaan dengan Hospital di Kuala Lumpur, hospital

itu memang elok dan cantik. Saya telah mendapat tahu pekerjaanya ada lebih kurang 10,000 orang. Hospital ini merupakan yang terbesar sekali di dunia. Tetapi adakah Menteri berkenaan tahu atau tidak iaitu di bilik pembedahan dan sebagainya, air-conditionnya tidak betul, panas kalau hendak membedah orang dalam masa satu jam, saya fikir doktor itu dulu mati daripada pesakit itu (*Ketawa*). Tentulah perkara ini akan dinafikan oleh Menteri itu, tetapi sebelum dinafikan, saya kata perkara ini betul, sebab saya telah pergi dan pernah juga duduk di hospital. Kalau Tuan Yang di-Pertua, sakit, pergilah. Di atas hospital yang begini cantik, ada kolam air. Entah kolam apa dan apa tujuannya dibuat, samada hendak memelihara ikan untuk orang sakit supaya tengok cantik barangkali menghiburkan hati, tapi air hujan itu bertakung bertahun-tahun dan nyamuk denggi ada di situ (*Ketawa*). Tidak ada apa yang hendak dibuat, masing-masing tengok sahaja. Penuh dengan tin dan macam-macam lagi. Jikalau Kementerian hendak fine orang ramai kerana tidak menjauhkan nyamuk denggi, saya fine hospital ini dulu.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan hospital yang cantik ini, tempat tidur dan selimutnya pula bertampal-tampal. Kalau hospital di hulu-hulu lagi bertampal, selimut itu hitam serta baunya busuk. Ini juga mesti ditengok oleh Kementerian yang bertanggungjawab supaya hospital-hospital ini bukan sahaja bertegak cantik dan sebagainya, tetapi juga layanan-layanan mestilah juga menarik dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan talipon. Menteri Perhubungan nampaknya tidak ada di sini. Oleh kerana Menteri Perhubungan telah berkata rakyat telah maju, maka berkehendakkan talipon yang lebih banyak. Akan tetapi, adakah Menteri itu tahu atau tidak bahawa di Kuala Lumpur ini perbalahan di antara Dewan Bandaraya dengan Pejabat Talikom tidak habis-habis, sebab Dewan Bandaraya tidak benarkan Pejabat Talikom mengorek lobang-lobang dan menggalai parit untuk menanam kebel talipon. Jadi, bagaimana rancangan luar bandar dan rancangan dalam bandar yang lima tahun ini dan lima tahun akan datang hendak dilaksanakan jikalau tidak ada persefahaman di antara satu sama lain. Ini terpaksa diambil perhatian oleh kerana ini juga membazir

wang Kerajaan, apabila lebih lama ditunggu, maka lebih lagi inflasi dan duit itu tidak cukup dan akan diminta lebih banyak lagi wang itu.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan Perbadanan-perbadanan Kerajaan seperti MARA dan UDA juga memerlukan perbelanjaan wang yang banyak untuk membolehkan pegawai-pegawainya dan sebagainya menolong bumiputra di dalam perniagaan dan perusahaan. Saya tidak mengatakan apabila bumiputra masuk di dalam lapangan perniagaan dan perusahaan orang lain bimbang, warganegara lain bimbang, tidak ada perkara itu. Hal ini tidak dibimbangkan oleh kerana ini adalah untuk meninggikan taraf hidup bumiputra di dalam dunia perniagaan dan perusahaan. Perbendaharaan mestilah memerhati bahawa dasar Kerajaan itu hendaklah dijalankan dengan betul. Saya tidak meminjam duit daripada UDA. Saya tidak bercakap menentang UDA. Saya tidak minta daripada MARA. Ini saya hendak declare dahulu, kalau tidak mereka akan berkata saya bercakap ini kerana ada sebab-sebabnya. Tetapi saya tidak hendak UDA ini dikudakan oleh orang. Saya tidak hendak tengok oleh kerana UDA adalah Badan Kerajaan, maka ada yang hendak menggunakan UDA untuk diperkudakan supaya mendapat keuntungan perseorangan (individu).

Tuan Yang di-Pertua, projek Sungai Wang, UDA ada saham 30%. Apabila UDA ada saham 30% tentulah ada some say, kata orang puteh, ada hak untuk bercakap, bukan hanya setakat ada beberapa kedai sahaja. Kalau tidak boleh bercakap apa gunanya, sebab saya telah didatangi oleh satu orang iaitu dia berkata bahawa dalam projek ini hendak dibuat panggung wayang. Orang Melayu ini hendakkan panggung wayang dalam Kompleks Sungai Wang ini. Apa orang itu kata? Katanya, "sudah beri orang lain". UDA tidak tahu langsung, sedangkan ianya mempunyai saham 30%. Dasar apakah ini?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Teguran Ahli Yang Berhormat ini di bawah Kepala dan pecahan-pecahan yang mana?

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tadi Tuan Yang di-Pertua kata perbahasan ini adalah berkenaan dengan dasar-dasar am, jadi saya tegurlah dasar-dasar am.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ya, tetapi mestilah kena-mengena dengan Pecahan-kepalanya.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Baiklah, saya ingin bercakap berkenaan dengan industri, termasuklah MARA, UDA dan saya bercakap ini adalah di bawah pecahan-kepala itu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau sayalah UDA tetapi tidak kuda, kalau saya hendak masuk saham untuk membina hotel, saya hendak tengok site hotel itu, di mana elok, di mana tempatnya. Saya tidak menuduh, tetapi UDA ada mempunyai saham 100% dalam Century Hotel (Hotel Abad). Sekarang timbul pula soal buat jalan lagi susah. Di mana tempat letak keretanya? Bila tak ada tempat letak kereta, tentulah orang tidak datang. Orang yang datang itu hendak kemudahan. Mana ada? Kalau tidak dibuka oleh Kerajaan atau pun kalau tidak dikehendaki atau dibuka pun di mana tempatnya? Ini bukan tuduhan, dan saya tidak benci pada UDA, saya mahu UDA ini berjalan dengan teratur, sebab Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga berkata supaya UDA dan juga perbadanan-perbadanan yang lain seperti MARA dan sebagainya jangan berlawan dengan bumiputra-bumiputra yang lain dalam bidang perniagaan dan perusahaan. Di mana ada bumiputra, di situlah ada UDA dan di situ juga ada MARA. Jadi, berapa peratus UDA mesti ambil; adakan polisi, berapa peratus boleh bersuara, boleh kontrol, kalau dia tidak boleh kontrol, buat apa. Kalau tidak begitu UDA digunakan sahaja oleh orang supaya facilities daripada bank dan facilities yang lain-lain boleh dapat dengan senang. Ini hendak digunakannya. Saya ingat kalau begitu kita akan menjadi pak tonggok selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, MARA juga meminjamkan kepada orang berjuta-juta ringgit, ada orang-orang besar yang meminjam bermillion, ada yang meminjam tiga million tidak dibayar, sebaliknya dia pergi ke Genting Highlands berjudi. Konon hendak berniaga. Ini bukan hendak menolong bumiputra dalam perniagaan dan perusahaan. Jadi perkara ini mesti diingat. Perbelanjaan pada tahun-tahun yang akan datang akan diminta dengan lebih banyak lagi oleh MARA dan sebagainya. Ini mestilah diperhitungkan dan diperhatikan.

Berkenaan dengan Buku Hijau, di sana sini kita melaong-laongkan berkenaan dengan Buku Hijau. Saya sokong dengan sepenuh-penuhnya 100% Rancangan Buku Hijau ini supaya membanyakkan lagi makanan dan sebagainya di negeri kita ini supaya dapat kita membeli makanan dengan seberapa murah supaya sayur-sayuran ini dapat dibeli oleh orang-orang di bandar dan di luar bandar. Tetapi banyak propaganda-propaganda yang kita telah sebarkan berkenaan dengan Buku Hijau. Saya tidak puas hati dan saya tidak hendak mengangkat sesiapa juga. (Sebab itu saya kata saya tidak puas hati). Saya tidak puas hati di atas perjalanan Buku Hijau ini oleh kerana kita menanam kelapa sawit (oil palm) dan tanam kelapa boleh dikatakan tanam semula, itu juga hijau. Saya hendak lihat berapa banyak kacang tanah sudah ditanam, dan berapa tan kacang tanah yang ditanam dikeluarkan, selain daripada yang dikehendaki oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita bahawa tiap-tiap rumah kalau ada tanah dikehendaki tanam untuk kegunaannya sendiri. Selain daripada itu juga negara kita berkehendakan sayur-sayuran dan sebagainya. Dahulu kita banyak kebun ubi dan telah ditanam beratus ribu ekar sehingga diadakan sebuah fekteri UBIYU itupun entah bagaimana terjadinya di Pahang. Ada satu lagi fekteri yang didirikan di Kuala Pilah iaitu fekteri buah makisar, itupun tidak berjalan lagi dalam Rancangan Buku Hijau ini.

Dahulu sebelum ada Rancangan Buku Hijau, ada buah makisar, selepas Rancangan Buku Hijau, langsung fekterinya tidak berjalan. Tetapi pegawai-pegawai yang bertanggungjawab seperti Pegawai Daerah akan tulislah perkara yang baik-baik. Saya pun dahulu pernah menjadi Pegawai Daerah juga, Tuan Yang di-Pertua, menulishlah perkara-perkara yang baik-baik itu banyak. Apabila Yang Amat Berhormat Tun datang dia berikan lapuran segala-galanya sehingga memuaskan hati Tun. Jadi kalau beginilah terus-menerus tidak jadilah Rancangan Buku Hijau, tidak boleh berjalan. Sebab saya sudah tengok di daerah Ulu Langat yang mana Yang Berhormat Menteri Kesihatan selalu pergi ke sana melihat berapa ekar Rancangan Buku Hijau telah berjalan, saya ingat 10 ekar pun tidak ada. Ini bukan olok-olok. Saya berharap

jikalaupun Rancangan Buku Hijau hendak berjalan, perkara ini hendaklah diperbaiki betul-betul dengan seboleh-bolehnya.

Saudara saya juga telah mengatakan berkenaan dengan Land Reform. Land Reform ini ada dua macam. Satu Land Reformation di Soviet Union dan satu lagi di Taiwan. Dahulu saya telah bercakap berkenaan dengan Land Reformation di Taiwan, jadi kalau hendak bercakap dengan Land Reformation ini tentulah perkara ini sangat sulit oleh kerana terpaksa diubah structure Kerajaan pada hari ini. Land Reformation di Taiwan itu tidak payah diubah structure oleh kerana saya nampak di Taiwan (di waktu Chiang Kai-shek lari ke Taiwan, di waktu itu saya berada di sana entah macammana gayanya). Kehidupannya memang susah betul, askar-askar yang datang dari mainland of China itu memakai rain coatnya seperti mereka bawa kuali dan belanga di belakangnya. Begitulah cara bagaimana susahnya mereka, tetapi oleh kerana Land Reformation di Taiwan berjalan dengan sebenar-benarnya maka land for the landless, maknanya orang-orang yang mempunyai sawah yang bukan orang itu bekerja di atas sawah itu, maka tanah itu dibeli oleh Kerajaan dengan harga yang berpatutan. Tuan tanah ini bolehlah membeli saham-saham atau membuat faktori supaya kedua-duanya boleh berjalan seimbang dan rakyat yang mendapat tanah ini akan bekerja dengan lebih kuat lagi disebabkan tanah ini kepunyaan sendiri. Mereka bekerja dengan lebih kuat lagi untuk menambahkan hasil bagi negara mereka. Inilah yang dijalankan di Taiwan, bukan itu sahaja, Ikan (bukan seperti MAJUIKAN) saya lihat setahun atau dua tahun MAJUIKAN di sini tidak maju, masih susah lagi mendapatkan harga-harga dan kaum-kaum nelayan kita masih lagi duduk di tepi pantai tidak berapa banyak perubahan dalam kehidupannya.

Saya berbalik semula percakapan saya tadi iaitu Land Reformation ini kalau hendak dijalankan di tempat-tempat dan di sawah-sawah padi sahaja, oleh kerana mengikut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita yang mengatakan tanah memang banyak di negara kita dan kita akan hadapi problem tanah ini. Sekiranya datang problem tanah itu, baru kita atasi mengikut kata Yang Amat Berhormat Tun. Jadi berkenaan dengan Land Reform kalau

hendak dibuat, disebabkan tanah sawah ini adalah terhad, maka saya percaya perkara ini boleh dijalankan oleh Kerajaan.

Berkenaan dengan perikanan. Saya sudah melihat 5—6 tahun. Saya katakan kita tidak boleh lagi memancing di tepi laut. Nelayan kita tidak boleh menggunakan bot-bot kecil, bot-bot 10 tan pun tidak boleh lagi, 15 tan pun tidak boleh juga. Kita mesti lihat negeri lebih maju, umpamanya Korea yang dijajah oleh penjajah Jepun selama 50—60 tahun dijajah, lebih dasyat lagi daripada negara kita yang dijajah oleh Inggeris. Apa sebabnya Korea boleh maju di dalam perkara-perkara perikanan, mempunyai bot-bot yang lebih besar, ada bot-botnya sampai ke Pulau Pinang seperti yang kita lihat pada hari ini. Apa sebab kita tidak boleh, dan apa sebab kita tidak boleh buat begitu? Ini nanti akan dijawab oleh kerana kita tidak ada expert ikan; kita tidak ada kelas kapal besar; kita tidak boleh itu dan kita tidak boleh ini. Perkara ini boleh diatasi, Tuan Yang di-Pertua. Kalau Taiwan yang dahulunya tidak mempunyai satu kapal atau sampan pun, tetapi pada hari ini kapal-kapal Taiwan yang menangkap ikan dapat kita lihat di Pulau Pinang dengan begitu banyaknya. Sudah dilaungkan 5-6 tahun. Nasib baik baru-baru ini saya dengar Menteri yang bertanggungjawab iaitu Menteri Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar akan membeli beberapa buah kapal, kalau saya tidak silap untuk menjalankan perusahaan penangkapan ikan di lautan dalam.

Selain daripada itu juga telah dilaungkan berkenaan dengan perbelanjaan pembelian lembu-lembu untuk dipelihara oleh orang-orang kampung. Kerajaan memang hendak menolong orang-orang kampung tetapi caranya hendak menolong ini, dibelinya lembu-lembu separuh kurus atau kurus daripada Kelantan, lembu-lembu Kelantan pun ada yang gemuk (*Ketawa*). Tetapi yang kurus itu dijual dan dihantarnya kemari, entah daripada Siam dibawahnya, diberikan kepada orang-orang kampung dan lembu-lembu ini bukan dari lembu-lembu baka besar, tetapi lembu baka kecil sahaja. Jadi bagaimana, Tuan Yang di-Pertua, seekor lembu ini kita hendakkan susu dari jenis bangsa lembu yang boleh mengeluarkan susu yang banyak dan satu lagi jenis lembu yang boleh mengeluarkan daging yang banyak, yang bontotnya besar, ini yang kita kehendaki. Tetapi yang

kita pelihara pada hari ini yang diberikan kepada orang-orang kampung, orang-orang kampung ini ambil seekor lembu, maklumlah macammana keadaan orang-orang kampung kita, ekorlah lembu ini, ke mana pergi lembu itu di situlah dia pergi duduk, tengok lembu ini makan bertahun-tahun, itulah kerjanya menjaga yang seekor itu, di mana lembu itu berada di situlah di ekornya.

Lembu ini beranak 3 tahun sekali, itu pun seekor. Seekor lembu ini cuma beranak seekor anaknya, jarang-jarang yang kembar. Kalau sekiranya 3 tahun beranak seekor cuba kita kira, Tuan Yang di-Pertua. Tenaga orang-orang kampung ini 3 tahun lamanya dapat lembu seekor—36 bulan, kalau gajinya satu hari berapa jadinya, 5 sen pun tidak sampai. Beginikah cara hendak menaikkan taraf hidup orang-orang kampung? Bertahun-tahun perkara ini dijalankan, bertahun-tahun terus-menerus begini. Memang betul kita dapat undi di dalam elections, kita dapat undi oleh kerana lembu seekor, dua ekor, 10 ekor, tetapi adakah menafaat kepada rakyat jelata yang di kampung-kampung itu kerana kita hendak membasmi kemiskinan yang ada di kampung-kampung. Jadi dengan sebab itu, saya dengar pada hari ini kita bersyukur alham dulillah kepada Tuhan sebab Kerajaan pada hari ini telah membeli beberapa banyak lembu daripada Australia dan lembu-lembu ini akan dibiakkan, dibanyakkan dengan secara moden, kemudian boleh dijadikan secara co-operative dan sebagainya. Orang-orang kampung boleh menjadi ahli co-operative dan akan mendapat susu lembu dan ditinkan susunya di samping dijual daging-dagingnya bukan yang liat seperti daging yang dijual yang kita makan pada hari ini kerana tiap-tiap hari dipukul, disebat menyebabkan daging lembu sudah menjadi seperti getah yang tidak boleh dimakan oleh manusia, kalau dimakan sakit perut (*Ketawa*). Saya harap pada masa yang akan datang supaya perbelanjaan-perbelanjaan kita ini jangan membazir, oleh kerana pada hari ini bukannya senang untuk mendapatkan wang, maka dengan sebab itu Kerajaan hendaklah berhati-hati di atas perkara perbelanjaan ini. Dengan sebab itu, saya dengan sukacitanya menyokong Rang Undang-undang ini.

5.55 ptg.

Tuan Haji Mohd. Amin bin Haji Yaakub: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih di atas peluang yang

diberi ini dan saya sukalah menyokong Rang Undang-undang yang sedang diperbahaskan sekarang ini. Sambal memberi sokongan itu saya sukalah menyampaikan beberapa pandangan kepada Kementerian-kementerian yang berkenaan.

Yang pertama sekali kepada Kementerian Pelajaran yang mana dalam Bil ini kita dapati dalam tahun 1973, 1974 dan seterusnya ada tiap-tiap tahun tambahannya, saya suka menarik perhatian Kementerian yang berkenaan iaitu soal pelajaran ini adalah soal penting bagi pembangunan masyarakat dan juga pembangunan negara kita yang mana didikan yang bermula dari masa anak-anak kita di bangku sekolah, baik di peringkat rendah, menengah mahupun di peringkat tinggi dan di universiti-universiti, semuanya menjadi asas pembangunan masyarakat dalam negara ini. Jenerasi-jenerasi inilah yang akan memainkan peranan di dalam masyarakat dan negara ini pada masa hadapan.

Dalam dasar pembangunan yang sedang dilaksanakan oleh negara kita yang mana menuju ke arah pembangunan ekonomi yang seimbang dari segi material dan juga moral. Dalam membuat kajian tentang Rang Undang-undang ini sukalah saya mengambil peluang terlebih dahulu menyatakan terima kasih kepada Kementerian Pelajaran ini, saya telah banyak membuat kemajuan dalam bidang akademik.

Saya suka menarik perhatian Kementerian ini dalam bidang pembangunan moral kepada pelajar-pelajar kita yang kian hari kian terancam oleh kerosakan-kerosakan moral mereka dan akhlak akibat dari penyalah-gunaan, bukan sahaja dadah yang telah disalurkan kepada pelajar-pelajar kita, bahkan juga bermula dari kebebasan pergaulan tanpa batasan antara pelajar-pelajar putra dan putri dan tambahan pula di setengah-setengah sekolah ataupun pusat-pusat pengajian ada menganjur dan menggalakkan sebagai satu matapelajaran di sekolah mereka untuk melatih pelajar-pelajar itu dalam mata pelajaran yang dikatakan pelajaran menari, berdansa, ataupun pelajaran kesenian kebudayaan, kononnya, demi untuk menghidupkan kebudayaan, kata mereka. Melatih anak-anak muda kita membiasakan dengan melayakkan dirinya supaya sesuai dengan masyarakat moden, apabila mereka telah dewasa kelak, inilah alasan

mengadakan latihan-latihan seperti ini di sekolah-sekolah. Mereka tidak teragak-agak lagi pada masa hadapan, katanya, menjadi anggota masyarakat yang serba boleh, serba mahir, tidak ketinggalan dalam masaalah dansa dan menari.

Pada saya, cara-cara inilah yang menjadi punca kerosakan moral pelajar-pelajar kita kerana dengan galakan seperti pelajaran tari-menari dan juga pergaulan bebas tanpa batasan itu menyebabkan timbulnya persetentangan pemikiran di kalangan pelajar-pelajar itu sendiri; antara pelajaran agama yang diajar atau diberikan oleh ustaz-ustaz dan guru-guru ugamanya di satu pihak, dengan latihan-latihan kebudayaan dan sebagainya, ini yang diberi oleh guru-guru tari-menari dan sebagainya.

Jadi pertentangan ini akan berkesudahan dengan guru tari-menari dan kesenian ini mendapat sokongan baik dari kalangan pelajar-pelajar mahupun di kalangan guru-guru sendiri kerana dalam keramaian-keramaian sekolah atau hari-hari ulang tahun sekolah-sekolah biasanya upacara-upacara dari pelajaran tarian tadi akan mendapat tempat di dalam upacara-upacara rasmi seperti itu, sedangkan mata pelajaran agama yang diajar oleh guru-guru agama tidak pernah mendapat tempat di dalam upacara-upacara seperti itu. Sebaliknya ajaran-ajaran guru-guru tarian dan kesenian itu mendapat tempat yang sewajarnya. Jadi umur masyarakat pelajar itu dengan sendiri lebih mementingkan pelajaran tarian dan kesenian daripada pelajaran agama yang mana dalam Peperiksaan Penilaian pun sama-sama tidak diwajibkan.

Bagi menjamin pembangunan moral di kalangan pelajar-pelajar kita, saya syorkan supaya mata-pelajaran Agama Islam diwajibkan kepada semua pelajar-pelajar supaya mempelajari dan lulus dalam Peperiksaan S.R.P. dan S.P.M. di samping itu pelajaran agama ini janganlah berkisar di sekitar perkara ibadat sahaja bahkan hendaklah dititikberatkan juga kepada tatasusila dan pembentukan peribadi yang dikehendaki oleh pelajaran agama itu sendiri.

Mungkin ada pihak akan mengatakan ataupun akan menganggap cadangan ini menyentuh kebebasan rakyat Malaysia untuk menganut agama yang mereka sukai. Kalau semua pelajar-pelajar dipaksa mereka akan berkata bahawa mereka tidak akan dapat

dipaksa menganut ugama kita, (Ugama Islam) cuma sekadar memaksa supaya mereka mengetahui apa dia Islam yang mana kalau kita sesuaikan sebagai seorang rakyat di Malaysia ini yang mana telah menerima perlembagaan yang dalam perlembagaan juga telah tercatat bahawa Islam adalah ugama rasmi negara ini yang mana mereka patut mengetahui apa dia Islam. Soal mereka hendak menganut ataupun tidak itu soal kebebasan mereka sendiri. Tetapi untuk mengetahui pelajaran Ugama Islam memang patut digalakkan bahkan perlu diwajibkan kepada semua pelajar-pelajar demi untuk membina peribadi modal pelajar-pelajar kita bagi menjamin supaya terutama sekali bagi orang-orang Islam yang mana boleh menjadi dinding ataupun penghalang daripada terceburlah ke kancang kerosakkan moral yang mana apabila tiap-tiap anggota masyarakat telah terjamin tidak akan terlibat dengan perkara-perkara jenayah dan sebagainya hasil daripada fahaman dan kepercayaan mereka terhadap pelajaran yang diberikan kepada mereka dengan sebaik-baiknya, mereka tidak akan terceburlah dalam kancang kejahatan, jenayah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian kepada Kementerian Kesihatan dalam masaalah menjamin kesihatan kepada rakyat kita sendiri yang mana saya suka menyentuh satu masaalah ialah soal iklan yang selalu dilaksanakan di seluruh tanahair kita ini baik oleh suratkhbar, filem wayang gambar mahupun di papan-papan tanda iklan di seluruh gudang-gudang perniagaan dan juga di seluruh jalanraya di dalam tanahair kita ini tentang kempen menggalakkan orang ramai minum-minuman keras yang mana dilakukan oleh syarikat-syarikat swasta ataupun pengusaha-pengusaha, penerbit-penerbit atau pembuat-pembuat arak dalam negara ini. Iklan-iklan ini boleh menarik rakyat dalam negara kita ini supaya lebih menggalakkan minum-minuman yang memabukkan ini yang mana pada saya soal iklan ini akan melibatkan terganggunya kesihatan fikiran rakyat sendiri. Jadi saya kira iklan-iklan seperti ini perlulah ditahan supaya jangan diberi kebebasan, sebab kalau kita menggalakkan rakyat dalam negara ini lebih banyak minum air yang merosakkan fikiran manusia ini akan tentu lebih membawa kepada kerosakkan fikiran yang mana fikiran ini adalah suatu perkara yang perlu dijagai benar-benar, sebab perbezaan di

antara seorang manusia dengan bukan manusia adalah terletak pada fikirannya yang waras.

Dari segi kesihatan, saya sukalah menyarankan supaya pihak kementerian ini dan juga Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di samping Kementerian Undang-undang dapat bekerjasama untuk mencari suatu jalan bagaimana perkara ini dapat kita sekat jangan sahaja umpamanya soal dadah yang merosakkan peribadi dan akal fikiran, melemahkan tenaga, pemikiran manusia masyarakat Malaysia ini sahaja yang kita tentang tetapi juga minuman yang boleh menghilangkan fikiran manusia ini juga perlu ditentang oleh negara kita ini sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya sukalah menarik perhatian tentang kebebasan ini yang mana faedahnya hanya boleh kita dapati daripada perkembangan industri arak dalam negara kita ini cuma mendatangkan sedikit cukai kepada negara kita, kepada Perbendaharaan di samping boleh juga memberi pekerjaan kepada beberapa orang penganggur dalam negara kita ini. Tetapi di sebalik itu, kita akan menghadapi bahaya yang lebih besar yang akan melibatkan seluruh rakyat negara ini apabila iklan-iklan seperti ini dibebas di biarkan ini berkesan kepada rakyat seluruhnya. Rakyat tertarik memilih minuman ini dan akan merosakkan fikiran manusia seluruhnya. Jadi, saya mintalah supaya kerjasama di antara tiap-tiap Kementerian yang berkenaan umpamanya satu contoh Jabatan Perdana Menteri ada mengeluarkan risalah menyeru orang ramai meninggalkan minuman arak ini sebab bahayanya, kerugian-kerugiannya disebutkan dalam risalah itu, risalah yang mana diedarkan kepada Ahli-ahli Dewan ini suatu masa dahulu oleh Jabatan Perdana Menteri sendiri. Tetapi di satu pihak pula kita membiarkan, membebaskan iklan-iklan kempen untuk minum arak sebanyak-banyaknya dengan masing-masing mengadakan perlawanan (competition) berlumba-lumba untuk menarik dan memuji hasil perlawanan mereka.

Umpamanya, satu jenis arak dikatakan ia lebih bagus, dan yang lain pula kata ia lebih bagus, dan ada satu pihak pula berlawanan, berlumba untuk menarik orang-ramai supaya pembelinya makin ramai. Jadi bertentanganlah antara kebebasan itu dengan seruan dakwah yang dilaksanakan oleh Jabatan Perdana Menteri sendiri. Saya

rasa untuk menyelamatkan soal moral dan juga menyelamatkan kesihatan fikiran yang mana dengan fikiran yang waras dapat kita mencipta sesuatu idea, sesuatu fikiran, sesuatu rancangan untuk kebaikan negara kita ini sendiri hasil daripada kewarasan, maka kewarasan fikiran itu perlu diawasi, perlu dijaga dengan baik oleh Kementerian Kesihatan sendiri, mahupun oleh Kementerian yang berkenaan dalam masalah ini. Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja perkara-perkara yang saya hendak sentuh dalam masa yang berharga ini, sebab saya rasa dalam masalah pembangunan material telah banyak disentuh oleh Ahli-ahli kita dan mungkin ada lagi Ahli di belakang saya yang akan bercakap dalam masalah ini. Jadi saya tumpukan dalam pembangunan moral yang perlu kita tumpukan bersama supaya pembangunan negara kita ini berseimbangan antara pembangunan rohani dan pembangunan material.

6.13 ptg.

Tuan Haji Abdul Rahim bin Abdul Manan: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Bil yang sedang kita bahaskan pada hari ini iaitu Bil Tambahan Perbelanjaan (1973, 1974 dan 1975). Dalam pada itu, saya hendak bercakap dalam beberapa perkara. Pertama, saya sentuh Kepala B. 7 Jabatan Perdana Menteri berkaitan dengan Lembaga Urusan dan Tabung Haji.

Pagi tadi baru sahaja kita bersoal jawab dengan Menteri yang berkenaan berhubung dengan Lembaga Urusan dan Tabung Haji. Walaupun ada beberapa soalan yang hendak dibangkitkan, masa tidak mengizinkan, jadi saya rasa inilah peluang bagi saya untuk menyampaikan perkara ini supaya pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji yang pada awal-awalnya ditubuhkan ialah tujuannya untuk memberi perkhidmatan kepada bakal-bakal haji yang akan menunaikan fardu haji pada tiap-tiap tahun. Di sebalik itu barangkali dia akan mengadakan perniagaan sedikit untuk membiayai perkhidmatan kakitangannya, tetapi kalau sekiranya dikaji benar-benar rungutan-rungutan yang timbul kerana langkah-langkah yang dibuat oleh pegawai-pegawai yang bertugas di Mekah dan Madinah, memberi gambaran yang salah kepada Pengarah-pengarah Lembaga Urusan dan Tabung Haji ini, kemudian mereka menyewa rumah

di Mekah untuk kebajikan jemaah haji sehingga satu masa keluar berita dalam akhbar bahawa rumah yang disewa oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji hari ini telah diakui oleh Menteri yang berkenaan diberikan kepada orang Parsi, kononnya takut rugi. Di manakah janji pihak Lembaga Urusan dan Tabung Haji hendak memberikan khidmat kepada penyimpan atau bakal-bakal haji kalau sekiranya Lembaga Urusan dan Tabung Haji menitikberatkan kepada keuntungan semata-mata. Rasa saya kalau sekiranya difikirkan Lembaga ini takut rugi terus, tak usah sewa rumah di Mekah, biarlah jemaah haji itu sendiri menguruskannya dengan sheikh haji masing-masing kerana pada pengalaman saya sendiri yang pernah terkena sewaktu saya baru balik dari Mekah dahulu saya sudah bentangkan dalam Dewan ini juga, saya fikir tentulah masalah itu akan bertambah baik, tetapi selepas daripada itu ianya bertambah buruk. Misalnya pada tahun yang sudah disediakan "sarah" (peti) yang berisi beras, sambal yang sudah dimasak dan sebagainya.

Saya diberitahu oleh mereka yang membeli sarah itu bahawa barang-barang yang ada dalam sarah itu tidak layak dimakan oleh manusia. Rasa saya perbuatan begini adalah lari daripada tujuan asalnya penubuhan Lembaga Urusan dan Tabung Haji, kalau sekiranya disediakan dalam sarah itu barang-barang yang kurang menafaatkan tentulah barangkali jemaah haji kita tidak ada komplain. Dan pada tahun sudah berlaku suatu kemalangan bahawa jemaah haji Malaysia ini terlibat dengan kebakaran rumah sheikh di Mekah. Maka bantuan daripada Lembaga Urusan dan Tabung Haji juga adalah sangat mendukacitakan. Ini mengikut saranan daripada orang-orang yang mendapat kemalangan itu. Apakah salahnya sekiranya rakyat Malaysia yang telah ditimpa kemalangan itu diberi bantuan, bukanlah mereka yang berkehendakkan kemalangan, apakah salahnya dikeluarkan pinjaman dahulu atau didahulukan wang atau diberi bantuan terus. Sebaliknya apabila orang itu mendapat bantuan daripada Kerajaan, maka dipotong segala bantuan yang diberi seperti sebuah peti sarah dengan sertamerta walaupun jemaah haji itu belum selesai menunaikan fardu hajinya. Jikalau begini, rasa saya eloklah Lembaga Urusan dan Tabung Haji yakni pegawai-pegawainya mengkaji semula segala tindakannya. Saya

juga berharap supaya pegawai-pegawai Lembaga Urusan dan Tabung Haji yang bekerja di Pejabat Lembaga Urusan dan Tabung Haji itu tolonglah beri layanan terhadap penyimpan-penyimpan itu, kerana pegawai-pegawai itu cuma mendapat gaji daripada hasil keuntungan wang yang disimpan oleh bakal-bakal haji. Apa yang berlaku apabila penyimpan-penyimpan itu pergi ke Pejabat Lembaga Urusan dan Tabung Haji tidak mendapat layanan yang baik.

Saya pernah menghantar dua tiga orang ke sana, sesudah saya tunjukkan saya ini Senator, barulah kami mendapat layanan, kalau tidak saya memperkenalkan diri, dia buat tidak peduli sahaja. Jadi rasa saya Menteri yang berkenaan tolonglah sedikit menasihatkan anak buahnya itu supaya berbudi bahasa kepada bakal-bakal haji.

Satu perkara lagi, saya bersetuju dengan apa yang dinyatakan oleh saudara saya tadi berkenaan dengan akhlak. Satu perkara yang paling mustahak, selain daripada pelajaran agama ialah akhlak. Akhlak inilah yang patut dititik-beratkan kepada murid-murid sekolah, kerana di saat-saat akhir ini jenerasi muda kita nampaknya telah kurang menjaga akhlak. Jika sekiranya orang China barangkali berasa takut hendak belajar agama Islam, yang mana tidak ada sebab mereka perlu takut, dalam sekolah kerana, hendak memaksa mereka masuk Islam, tetapi sekiranya pelajaran akhlak ini diajarkan, tidak kira apa juga agama semua bersetuju, semua berkehendakkan akhlak samada penganut agama Kristian, Hindu, Buddhist dan sebagainya. Rasa saya patutlah pengajaran akhlak itu dijadikan satu mata-pelajaran yang patut pihak Kementerian Pelajaran menimbangkan. Kerana saya ada membaca satu daripada Sabda Rasulullah (s.a.w.) bahawa baginda diutuskan ke dunia ini tidakkah lain semata-mata untuk memperbaiki akhlak dan peribadi sekalian umat manusia. Jadi sesuai dengan agama Islam sebagai agama rasmi, maka kedatangan Rasulullah s.a.w. yang diutus kerana memperbaiki peribadi patutlah dijadikan satu daripada pelajaran di sekolah-sekolah dan sudah sampailah masanya barangkali kalau kita sudah tersesat jalan, hendaklah balik ke pangkal jalan untuk memperbaiki akhlak.

Berhubung dengan perkara dadah ini biarlah saya menyentuhnya sedikit, kalau hendak

disebutkan Kepala nya nanti saya teraburaba, Tuan Yang di-Pertua, dan membuang masa Dewan ini sahaja kerana ada di dalam Rang Undang-undang ini. Dadah ini rasa saya sudah cukup merebak penyakitnya hinggap bukan sahaja kepada anak-anak, tetapi boleh jadi juga kepada orang-orang dewasa dan bukan sahaja daripada orang-ramai, tetapi mungkin daripada anggota-anggota Pasukan Keselamatan kita telah ada yang ketagihkan dadah ini. Saya harap Kementerian yang berkenaan berikhtiar mencari jalan, bukan sahaja menangkap penagih itu. Tetapi rasa saya kalau kita menangkap sahaja penagih-penagih dadah ini perkara ini tidak akan dapat diselesaikan. Satu rancangan yang benar-benar baik hendaklah dijalankan supaya dapat didikan semula penagih-penagih itu dengan dimasukkan dia ke hospital, tetapi bukanlah dimasukkan ke hospital, kita yang ada hari ini. Hospital kita yang ada hari ini mungkin tidak dapat memberikan rawatan yang secukupnya, rumah-rumah sakit yang ada pada hari ini tidak dapat menjaga dan mengawal penagih-penagih dadah yang ada pada hari ini. Rasa saya kalau sekiranya kita tidak adakan didikan semula ini, masalah penagih-penagih dadah ini tidak akan dapat diselesaikan.

Berhubung dengan pengedar dadah, Yang Berhormat Peguam Negara kita sendiri telah bersetuju supaya menjalankan hukuman yang lebih berat. Kita minta apa yang disarankan oleh Peguam Negara kita itu bahawa mahkamah-mahkamah yang membicarakan pengedar-pengedar dadah ini tidak akan teragak-agak lagi menjatuhkan hukuman yang paling berat, tidak kira dia itu pengedar kecil, pengedar kancil, pengedar naga dan sebagainya. Apabila hukuman yang berat dikenakan rasa saya inilah satu jalan kalau tidak dapat menghapuskannya. Tetapi mengurangkan daripada perkembangannya, saya yakin dan percaya dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sentuh Kepala B. 4—Suruhanjaya Pilihanraya. Suruhanjaya Pilihanraya ini satu badan yang tak boleh diusek, jadi dalam masa membincangkan masalah perbekalan inilah kalau boleh diusek-usek, dicuit-cuit sedikit-sedikit. Saya harap Suruhanjaya Pilihanraya ini yang telah diberi taraf yang cukup bebas janganlah sehinggakan hendak menjadi Kerajaan dalam Kerajaan. Misalnya, dalam Pecahan-kepala

3100, peruntukan \$5,100 hendak tambahan \$57,955. Bagaimana mereka membuat peruntukan ini? Tak tahu berapa ratus kali ganda, kalau silap cap kertas yang ada di tangan saya ini tak tahulah, tetapi inilah dia Pecahan-kepala 3100—Pentadbiran Am, peruntukan \$5,100 hendak tambahan \$57,955. Bagaimana sampai begini banyak tambahan yang diminta? Ini bererti segala anggaran yang dibuat ini macam anggaran main-main, anggaran tidak bertanggung-jawab. Kalau sekiranya kertas ini sampai kepada orang yang hendak criticise Kerajaan ini dia akan boleh criticise. Kata dia: Tengok! Peruntukan \$5,100 minta tambahan \$57,955.

Apa yang saya hendak nyatakan lagi sekali berhubung dengan pendaftaran pengundi ini walaupun pendaftaran pengundi ini berjalan mengikut masa yang ditentukan, tetapi apa yang menyedihkan, Tuan Yang di-Pertua, seorang yang disuruh mendaftarkan satu kampung itu orang yang mendaftarkan itu datang daripada kampung yang 5 atau 6 batu jauh daripada situ dan seorang pun dia tak kenal manusia di situ. Sudahlah begitu, dia buat kerja pukul 4.30 petang kerana kalau waktu pagi semua orang keluar pergi kerja. Apa yang paling menyedihkan yang dilantik perempuan pula. Pukul 4.30 petang sampai 6.00 petang dia berani jalan, apabila waktu malam dia sudah takut kemudian tempoh pendaftaran pun habis. Apabila kita tanya apa sebab tak datang, kata dia, dia takut. Betul juga kerana anak-anak 16 tahun yang tak lulus L.C.E. ataupun yang tak lulus S.P.M. itu dilantik. Rasa saya berhubung dengan perkara pendaftaran ini supaya tidak menjadi rungutan apa salahnya Suruhanjaya Pilihanraya ini memerintahkan Pegawai Daerah, pada masa mengambil kakitangan kerani sementara untuk pendaftaran ini, biarlah orang tempatan itu sendiri diuntukkan pada mereka 50 buah rumah sahaja untuk dikawal oleh seorang, biar bayaran itu kecil supaya sempurna semua orang yang patut mengundi dapat mengundi.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ada masa dua tiga minit lagi, biarlah saya habiskan ucapan saya pada petang ini sebagai penutupnya. Saya hendak sentuh berkenaan dengan hospital kerana Yang Berhormat Menteri Kesihatan kita pun ada di sini. Apa yang saya hendak nyatakan perkara ini sudah beberapa kali disungutkan oleh

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup. Sekiranya Ahli Yang Berhormat hendak bercakap bolehlah sambung pada esok hari.

PENANGGUHAN

Datuk Athi Nahappan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Majlis ini ditangguhkan sekarang.

Tuan Law Hieng Ding: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN TANGGUHAN

Jururawat Tamat Latihan—Tempoh Kahwin

6.30 ptg.

Puan Hajjah Salmah binti Sheik Hussein: Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian terhadap Kementerian Kesihatan berkenaan perkara tempoh kahwin jururawat selepas tamat latihan. Mengikut perhatian dan pandangan saya dan diharap mendapat perhatian iaitu tempoh 3 tahun sesudah tamat latihan baru jururawat itu dibenarkan berkahwin adalah kurang menasabah atau menahan perjodohan manusia apabila sampai masa jodohnya, dan juga Kerajaan seolah-olah mendedahkan dirinya untuk kecaman dan ejekan serta tidak dihormati dan tidak dipatuhi oleh rakyatnya dalam perkara ini. Sebagai contoh terdapat undang-undang melarang jururawat berkahwin melainkan sesudah berkhidmat dengan Kerajaan selama tiga tahun sekurang-kurangnya. Walaupun ini mesti dipatuhi tetapi ada juga jururawat yang terpaksa berkahwin sebelum tamat tempoh yang dibenarkan selama tiga tahun itu. Kedapatan juga jururawat berkahwin senyap-senyap dan tidak diistiharkan melainkan cukup tempoh baru diistiharkan dan kedapatan juga jururawat terpaksa berhenti kerja kerana hendak berkahwin dan apabila telah berkahwin bekerja balik samada dengan Kerajaan ataupun dengan swasta dan ada setengahnya bekerja di dalam badan-badan berkanun dan ada kedapatan jururawat telah mengandung sebelum kahwin dan mereka terpaksa berhenti kerja atau terpaksa pergi ke klinik untuk menggugurkan kandungannya, samada rasmi atau tidak dan bolehlah dikatakan 95 peratus jururawat ini

ada mempunyai teman lelaki (boy-friend), yang selalu berteman dengan mereka sehingga berkeliaran di sekeliling asrama-asrama setiap waktu sebagaimana yang kita sama-sama ketahui. Apa lagi waktu hampir tengah malam dan setiap waktu apabila jururawat ini habis kerja ataupun waktu off dan waktu lapang juruwat ini telah keluar malam dan setiap waktu apabila telah keluar bersama-sama teman lelakinya dan selalu balik tepat jam pintu asrama ditutup.

Dalam masaalah ini telah menjadi contoh kepada pelatih-pelatih yang akan dilatih kemudian daripada jururawat yang sudah terlatih dahulu daripada mereka. Di sini kalau kita mahu memikirkan selama tiga tahun dalam latihan dan tiga tahun lagi dikongkong baru boleh kahwin jadi jumlahnya adalah enam tahun. Entah apa yang terjadi maka macam-macamlah kita dengar dan macam-macamlah yang terjadi, tidak payahlah saya huraikan lebih lanjut. Apa yang menjadi persoalan saya ialah kurangkan masa kebenaran berkahwin itu sesudah tamat latihan. Saya fikir elok, menasabah dan memadai selama dua tahun itu kerana setelah empat atau lima tahun mereka memendam rasa, bercampur dengan bebas, mudah-mudahan dengan tempoh dua tahun itu terselamatlah mereka dan hasrat serta perasaan ghairah mereka dapat ditenangkan dan dapat mengawal perasaan demi menjaga moral mereka. Lebih tegas lagi saya katakan ke-longgaran dari tiga tahun kepada dua tahun untuk jururawat itu berkahwin sesudah tamat latihan banyak menolong kita di dalam beberapa persoalan yang mungkin timbul nanti.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita mahu ambil perhatian banyak persoalan yang mungkin timbul di kalangan jururawat-jururawat selama mereka menunggu kebenaran untuk berkahwin. Apa yang menjadi masaalah yang paling rumit di hadapan kita walaupun pihak Kementerian dapat membayangkan nanti bahawa masa itu telah wajar, tetapi kalau dikaitkan dengan hukum syara' maka soal perkahwinan ini tidak boleh disekat dan tersekat kepada jururawat-jururawat pelatih itu apabila sudah sampai masa cukup akhir baligh iaitu cukup umur. Yang paling menyedihkan ialah apa yang saya dapat saksikan andai kata jururawat-jururawat yang membuat perhubungan itu kalaulah sama seugama, sebangsa, dapatlah kita lajakkkan apabila mereka tamat latihan

tetapi yang menjadi kesedihan kita di dalam masa latihan kadang-kadang mereka membuat hubungan dengan orang yang tidak sepatutnya mereka buat hubungan. Jadi, dalam masaalah inilah yang saya tegaskan tadi kita dari pihak Kementerian menyebarkan apa yang menjatuhkan moral jururawat-jururawat ini.

Sebelum saya membawa perkara ini di dalam Dewan sebagai Ucapan Tangguhan, tertuju kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan, maka saya sudah mendapat dengan berupa perkara yang lebih berkesan. Bukanlah perkara ini hanya saya dapat menyuarakan di dalam Dewan sahaja, tetapi bukti-bukti yang nyata sudah berkeliaran di sekitar masyarakat jururawat-jururawat pada hari ini. Sebab itulah saya berani menegaskan di dalam Ucapan Tangguhan ini tertuju kepada Kementerian yang berkenaan supaya dapat mengambil perhatian terhadap jururawat-jururawat itu, dikurangkan masa tempoh tiga tahun itu kepada dua tahun supaya kita tidak ter-pikul sama beban-beban apa yang dikatakan kejatuhan moral dan menyalahi syara' yang dilakukan oleh pihak jururawat yang berkenaan.

6.37 *ptg.*

Menteri Kesihatan (Tan Sri Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan satu masaalah berkaitan dengan jururawat pelatih.

Pada masa ini semua jururawat-jururawat pelatih diberi dermasiswa. Pemberian dermasiswa ini telah dilakukan sejak tahun 1972, yakni tahun saya mula memegang jawatan Menteri Kesihatan, dengan tujuan untuk menolong jururawat-jururawat pelatih, terutamanya mereka dari kawasan luar-bandar, menjalani latihan mereka dengan licin tanpa apa-apa gangguan dan juga untuk mengikut mereka kepada Kerajaan mengikut masa yang tertentu. Ini adalah satu amalan yang biasa dilakukan di negara-negara yang maju. Dalam masa latihan, jururawat-jururawat pelatih tidak dibenarkan berkahwin supaya mereka boleh memusatkan perhatian yang penuh kepada pelajaran dan latihan mereka.

Setakat ini kami telah berjaya mengekalkan disiplin yang baik di kalangan jururawat-jururawat pelatih. Mereka yang telah dilatih di Sekolah Latihan Jururawat adalah cekap dan bertanggungjawab dan cara mereka menjalankan tugas-tugas di hospital dan di kelinik-kelinik adalah memuaskan.

Kita perlu mempunyai disiplin tertentu di kalangan jururawat-jururawat pelatih supaya mereka menjadi jururawat-jururawat yang bertanggungjawab dan tidak menyeleweng.

Saya sungguh sedar sebagai Menteri Kesihatan bahawa ada jururawat pelatih yang keluar dengan teman lelaki mereka pada waktu malam. Pelawat-pelawat atau teman-teman lelaki mereka itu dibenarkan masuk ke Bilik Pelawat atau "Guest Room" di Asrama Sekolah-sekolah Latihan untuk melawat mereka. Mengikut Peraturan-peraturan di asrama-asrama tersebut, waktu pelawat itu adalah dihadkan hingga pukul 10:00 malam sahaja. Peraturan ini telah dibawa ke perhatian saya sendiri. Adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan untuk menjaga nama baik Sekolah Latihan dan mutu perkhidmatan jururawat. Juga Kementerian Kesihatan bertanggungjawab kepada ibu-bapa pelatih-pelatih atas keselamatan mereka.

Saya percaya bahawa orang ramai dan Ahli-ahli Yang Berhormat akan bersetuju dengan keputusan-keputusan ini dan mereka seharusnya menyambut balik serta menyokong dasar Kerajaan kita. Adalah menjadi tanggungjawab saya menentukan bahawa

mutu tinggi perkhidmatan jururawat diperkekalkan dan diperbaiki lagi. Saya ingin menyakinkan Ahli Yang Berhormat bahawa semua jururawat pelatih dibenarkan berkahwin setelah mereka tamat latihan.

Selepas tamat latihan, mereka itu bolehlah berkahwin. Jikalau tidak, banyak kegagalan berlaku oleh kerana di dalam masa latihan mereka ada boy-friend, keluar tiap-tiap malam, pergi ke sana-sini, mana ada hati hendak belajar. Dengan sebab itulah saya terpaksa memberikan arahan dan aturan-aturan yang tertentu dan ini adalah tanggungjawab saya sebagai Menteri Kesihatan dan juga bertanggungjawab kepada Kerajaan serta juga pesakit-pesakit kita di hospital. Mereka itu adalah bertanggungjawab untuk menolong pesakit-pesakit kita di hospital. Itulah sebabnya aturan ini dibuat dan barangkali ada di antara pelatih-pelatih itu tidak bersetuju. Saya sendiri telahpun menerima surat protest atas perkara ini, tetapi sebagai Menteri yang bertanggungjawab dan mengikut aturan-aturan dunia, inilah satu langkah yang terpaksa Kementerian saya ambil. Terima kasih.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan di-setujukan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Mesyuarat ini ditangguhkan hingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.45 petang.